



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Pusat Islam

KOLEKSI KHUTBAH JUMAAT

**MASJID SULTAN ISMAIL
UTM 2020**

MOHD NASIR MASROOM
AMINUDDIN RUSKAM
NAEMAH HAMZAH



Masjid Sultan Ismail, UTM



<https://islamiccentre.utm.my/>



07-5537508 / 01



islamiccentre@utm.my

Cetakan Pertama 2020
© **Pusat Islam UTM** 2020

Semua hak cipta adalah terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini yang boleh dihasilkan semula atau ditukar dalam apa-apa bentuk dengan apa-apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik atau mekanikal termasuk fotokopi, rakaman atau apa-apa kaedah penyimpanan maklumat dan sistem perolehan kembali, tanpa persetujuan bertulis daripada Pengarah Pusat Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81300 Johor Bahru, Johor Darul Takzim, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Katalog dalam Penerbitan

KOLEKSI KHUTBAH JUMAAT MASJID SULTAN ISMAIL
UTM 2020

ISBN 978-983-43408-8-9

Diterbitkan oleh;

Pusat Islam,
Universiti Teknologi Malaysia,
81310 UTM Johor Bahru,
Johor, MALAYSIA.

Isi Kandungan

Penghargaan	ii
Prakata	iii
Kata Aluan	vi
Panel Penyunting	v
Penulis Teks Khutbah	vii
Tajuk 1: Hindari Coronavirus 19 <i>Dr. Mohd Nasir bin Masroom</i>	1
Tajuk 2: Menjaga Ikhtilat Dalam Islam <i>Dr. Naemah binti Hamzah</i>	8
Tajuk 3: Menghormati Hak dan Kedudukan Wanita <i>Ustazah Rahmawatulhusna bt Sokhipul Hadi</i>	18
Tajuk 4: Zakat dan Sedekah Membawa Berkat <i>Ustaz Amir Irsyad bin Saim</i>	26
Tajuk 5: Jumaat al-Mubarak Menjana Motivasi Amal <i>PM Dr. Aminuddin bin Ruskam</i>	35
Tajuk 6: Mencari Erti Kebahagiaan <i>Dr. Mohd Nasir bin Masroom</i>	45

Tajuk 7:	Lambaian Kaabah <i>PM Dr. Aminuddin bin Ruskam</i>	57
Tajuk 8:	Amalan Kebaikan Tanda Ketakwaan <i>Ustaz Mohd Firdaus bin Padzim</i>	69
Tajuk 9:	Mukjizat al-Quran Dalam Proses Penciptaan Manusia <i>Sdr Mohamad Ariff Afdlin bin Faizan</i>	76
Tajuk 10:	Darurat: Antara Masalah dan Mafsadah <i>PM Dr. Aminuddin bin Ruskam</i>	86
Tajuk 11:	Jutawan Akhirat <i>Sdr Mohammad Ariff Afdlin bin Faizan</i>	99
Tajuk 12:	Kedahsyatan Hari Kiamat <i>Ustaz Mahyuddin bin Md Sarip & Ustaz Mohd Firdaus bin Pazim</i>	108
Tajuk 13:	Al-Quran Panduan Hidup <i>Ustaz Panji Alam bin Mazshisam</i>	118

Penghargaan

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penghasilan buku Koleksi Khutbah Jumaat Masjid Sultan Ismail UTM 2020 ini, terutamanya kepada barisan penulis di atas sumbangan idea, ilmu dan masa dalam penghasilan buku ini. Penghargaan juga disampaikan kepada Prof. Madya Dr Aminuddin bin Ruskam, Pengarah Pusat Islam UTM kerana galakan, bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan ketika proses pembukuan dijalankan. Tidak terkecuali juga kepada para penyunting dan jawatankuasa teknikal di atas komitmen, kerjasama dan usaha yang disumbangkan. Hanya Allah SWT jua yang dapat membalasnya.

Prakata

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على سيدنا محمد أشرف الأنبياء
والمرسلين وعلى آله وأصحابه أجمعين.

Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan limpahan kurnia, taufik, hidayah dan pertolongan-Nya, dapatlah buku Koleksi Khutbah Jumaat Masjid Sultan Ismail UTM 2020 ini disiapkan dan berada di tangan pembaca sekalian.

Khutbah berperanan sebagai satu medium yang penting dalam menyampaikan pengajaran, maklumat dan isu-isu semasa umat Islam. Melalui khutbah yang disampaikan juga, ahli kariah dapat peringatan mengenai hal-hal yang berkaitan dengan dunia dan akhirat mereka.

Buku ini merupakan buku kedua yang diterbitkan oleh Pusat Islam UTM (PIUTM) dalam usaha mengumpulkan teks khutbah yang ditulis sendiri oleh para asatizah PIUTM. Ini adalah sebahagian usaha untuk memberi peluang para asatizah PIUTM menyampaikan mesej kepada warga UTM dalam bentuk penulisan dan penerbitan.

Selain itu, teks khutbah ini juga sesuai digunakan oleh khatib di masjid dan surau jumaat kerana mengandungi berbagai tajuk yang umum dan sesuai dengan peristiwa tertentu.

Akhir kalam, setinggi kemaafan atas kekurangan dan kekhilafan yang terdapat dalam buku ini. Ruang kepada komen dan kritikan yang membina sentiasa terbuka. Saya juga mengucapkan berbilang terima kasih dan setinggi penghargaan kepada semua individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan buku ini. Saya berdoa agar usaha dan kerjasama yang disumbangkan beroleh ganjaran daripada Allah SWT.

Sekian, terima kasih. Wasalam.

Dr. Mohd Nasir Masroom

(Ketua Penyunting)

Masjid Sultan Ismail,

Universiti Teknologi Malaysia.

2020

Kata Aluan

Alhamdulillah, segala puji hanya untuk Allah SWT Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam sejahtera ke atas Nabi Muhammad SAW penghulu nabi dan rasul serta nabi akhir zaman.

Khutbah Jumaat merupakan satu wadah dakwah dalam menyampaikan perbagai mesej kepada umat Islam. Menerusi khutbah Jumaat, berbagai isu dan dan tajuk dapat disampaikan secara langsung antara khatib dan para jemaah. Dengan itu, mesej yang disampaikan terus menuju kepada pendengar yang disasarkan.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada para penulis, penyunting dan semua yang terlibat dalam menerbitkan buku ini. Semoga usaha dan kerjasama yang diberikan, mendapat rahmat dan ganjaran sewajarnya daripada Allah SWT.

Prof. Madya Dr Aminuddin bin Ruskam

Pengarah

Pusat Islam

Universiti Teknologi Malaysia

Panel Penyunting

Dr. Mohd Nasir bin Masroom (**Ketua**)
Prof. Madya Dr. Aminuddin bin Ruskam
Dr. Naemah binti Hamzah

Penulis Teks Khutbah

Prof. Madya Dr. Aminuddin bin Ruskam
Dr. Mohd Nasir bin Masroom
Dr. Naemah bt Hamzah
Ustaz Mahyuddin bin Md Sarip
Ustaz Mohd Firdaus bin Pazim
Ustaz Amir Irsyad bin Saim
Ustaz Panji Alam bin Mazshisam
Ustazah Rahmawatulhusna bt Sokhipul Hadi
Saudara Mohamad Ariff Afdlin bin Faizan (pelajar
Sarjana Falsafah UTM)

Tajuk 1: Hindari Coronavirus 19

Dr. Mohd Nasir bin Masroom

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ

وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ
الْمُحْسِنِينَ

أشهد أن لا إله إلا الله وأشهد أن محمدا عبده ورسوله. أشهد أن
لا إله إلا الله وحده لا شريك له، وأشهد أن محمدا عبده
ورسوله، اللهم صلِّ وسلِّم على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه
أجمعين.

أما بعد، فيا عباد الله! اتقوا الله، أوصيكم وإياي بتقوى الله، فقد
فاز المتقون.

وَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ
فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Maksudnya: "Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu

berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (al-Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik kesudahannya". (Surah al-Nisa', 4: 59)

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ

Marilah kita berusaha sepenuh daya meningkatkan ketakwaan kepada Allah. Marilah kita bersungguh-sungguh melaksanakan semua perintah-Nya dan menjauhi semua bentuk larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah, perlindungan dan keampunan daripada-Nya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Beberapa bulan ini kita dikejutkan dengan penularan wabak yang dikenali sebagai Corona Virus Disease 2019 atau COVID19. Virus ini adalah strain baharu yang sebelum ini tidak pernah dikenalpasti dalam dunia perubatan. Ia dikatakan berjangkit dari individu kepada individu yang lain melalui titisan pernafasan dan sentuhan. Gejala utama penyakit ini adalah demam panas, batuk dan sesak nafas. Dalam kes yang teruk, ia menyebabkan kegagalan fungsi organ yang boleh membawa kepada kematian.

Virus ini dikatakan bermula dari daerah Wuhan, China. Ia dipercayai berasal daripada pasar makanan laut yang menjual hidupan liar secara haram. China mula melaporkan kepada WHO berkenaan virus ini pada 31 Disember 2019 dan selepas itu ia mula merebak ke seluruh dunia.

Setakat 13 Mac 2020, ia telah meragut 4641 nyawa dan menjangkiti lebih daripada 126,000 orang di seluruh dunia. WHO telah pun mengisytiharkan amaran kecemasan kesihatan dunia - pandemik (global health emergency – pandemik) yang membawa maksud “keadaan yang luar biasa, serius dan sukar diramal” (extraordinary event that is serious, unusual or unexpected). Amaran ini memberi peringatan kepada warga dunia agar lebih berwaspada terutama kepada negara yang mempunyai sistem kesihatan yang kurang berkesan.

Dalam hal ini, Islam sebagai sebuah agama yang mementingkan kesihatan dan kebersihan menganjurkan umatnya untuk mengambil langkah pencegahan yang perlu, sebagai mana firman Allah SWT yang dibacakan pada permulaan khutbah tadi, yang bermaksud;

“...dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan dan baiklah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-

orang yang berusaha memperbaiki amalnya." (Surah al-Baqarah, 2: 195)

Dalam konteks ini marilah kita sama-sama menjaga diri sendiri dan mereka yang berada di sekeliling kita agar terhindar daripada kebinasaan akibat virus ini. Antara tindakan yang dicadangkan adalah:

1. Membasuh tangan menggunakan air dan sabun atau sanitizer
2. Memakai penutup mulut dan hidung jika kerap berhubung dengan orang ramai.
3. Menutup mulut dan hidung apabila batuk dan bersin.
4. Menjaga kebersihan diri sepanjang masa.
5. Mengurangkan masa berada di khalayak ramai.
6. Elakkan bersentuhan atau bersalaman.

Selain dari langkah yang dinyatakan di atas, adalah penting juga agar kita tidak menyebarkan atau mempercayai berita yang tidak benar berkenaan virus ini. Tindakan ini boleh menyebabkan ketakutan dan keadaan panik yang tidak perlu dalam masyarakat. Suasana panik ini pula boleh mencetuskan kekacauan dan kebimbangan serta menjejaskan aktiviti rutin harian yang lain. Untuk memastikan kesahihan berita, rujuklah kepada pihak yang berautoriti di tempat masing-masing.

يا معاشر المسلمين رحمكم الله

Sebagai seorang Muslim, kita perlu bersabar dan tenang dalam menghadapi keadaan ini. Kisah mengenai wabak ini pernah dirakamkan berlaku ketika di zaman pemerintahan khalifah Umar al-Khatab. Waktu itu, beliau ingin pergi ke Syam yang sedang dilanda taun. Lalu Abd Rahman bin Auf berkata bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda mengenai hal ini;

إِذَا سَمِعْتُمْ بِالطَّاعُونَ بِأَرْضٍ فَلَا تَدْخُلُوهَا، وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا
فَلَا تَخْرُجُوا مِنْهَا

Maksudnya: "Jika kamu mendengar wabak di suatu wilayah, maka janganlah kamu memasukinya. Tapi jika terjadi wabak di tempat kamu berada, maka jangan tinggalkan tempat itu." (HR Bukhari, no 5396)

Daripada hadis ini, maka jelaslah bahawa tindakan kuarantin atau isolasi merupakan satu kaedah pencegahan wabak yang berkesan agar wabak tidak menular ke kawasan yang lain. Tindakan ini adalah satu tindakan yang patut, perlu dan wajar dilakukan. Inilah tindakan yang sedang diambil oleh pihak pemerintah di negara-negara yang terlibat secara langsung termasuk Malaysia. Oleh itu, sebagai orang awam, kita perlu memberikan kerjasama dan mematuhi tindakan pencegahan yang dilaksanakan ini.

Selain mengambil langkah pencegahan dan mengamalkan kebersihan, umat Islam juga dituntut untuk sentiasa berdoa memohon perlindungan daripada Allah SWT. Antara doa yang dianjurkan oleh Islam berdasarkan hadis Nabi SAW ialah:

مَا مِنْ عَبْدٍ يَقُولُ فِي صَبَاحِ كُلِّ يَوْمٍ وَمَسَاءِ كُلِّ لَيْلَةٍ : بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ، ثَلَاثَ مَرَّاتٍ ، إِلَّا لَمْ يَضُرَّهُ شَيْءٌ. (رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيُّ)

Maksudnya: "Tidaklah seorang hamba mengucapkan setiap pagi dari setiap harinya dan setiap petang dari setiap malamnya kalimat: *بسم الله الذي لا يضر مع اسمه شيء في الأرض ولا في السماء وهو السميع العليم* sebanyak tiga kali, maka tidak akan ada apa pun yang membahayakannya." (HR. Tirmidzi no.3388)

Rasulullah SAW juga mengajarkan doa ini;

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ

Maksudnya: Ya Allah aku berlindung dengan-Mu daripada penyakit sopak, gila, kusta[dan

penyakit-penyakit yang buruk." (HR. Abu Daud, no. 1554)

Justeru itu, marilah kita sama-sama bersabar dengan ujian yang sedang melanda ini dengan memperbanyakkan bertaubat dan kembali mentaati Allah SWT. Yakinlah bahawa ada hikmah yang tersembunyi di sebalik penyebaran wabak ini. Firman Allah SWT:

وَعَسَىٰ أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ وَعَسَىٰ أَنْ تُحِبُّوا شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَّكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya: "...dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah jualah Yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya." (Surah al-Baqarah : 216)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَقَعَىٰ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.

Tajuk 2: Menjaga Ikhtilat Dalam Islam

Dr. Naemah binti Hamzah

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَعْضُوا مِنْ أَبْصَرِيهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ
أَزْكَى لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ (30)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ، عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ
إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،
الَّذِي بَلَغَ الرِّسَالَةَ وَأَدَّى الْأَمَانَةَ وَنَصَحَ الْأُمَّةَ وَكَشَفَ الْغُمَّةَ، اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ،

أما بعد، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ
وَطَاعِيَتِهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى.

قال الله تعالى في كتابه العزيز:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ
فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا (59)

Maksudnya: "Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu

berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (al-Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik kesudahannya". (Surah al-Nisa', 4: 59)

Sidang Jumaat Yang Mulia,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT, semoga ketakwaan itu dapat melepaskan kita semua dari siksaan dan azab Allah yang amat mengerikan di hari akhirat kelak. Tajuk khutbah pada hari ini ialah *Menjaga Ikhtilat dalam Islam.*

Menurut Prof. Dr. Yusof al-Qardawi dalam kitabnya *Fatwa al-Muasarah* menyebut bahawa *ikhtilat* bermaksud percampuran di dalam perhubungan antara lelaki dan wanita. Jelasnya, pada masa sekarang ikhtilat ini seolah-olah tidak dapat dielakkan. Ikhtilat berlaku baik di tempat kerja, institusi pengajian tinggi, sekolah dan lain-lain. Hal ini menimbulkan tanda tanya kepada kita, apakah bentuk dan corak ikhtilat yang dibenarkan dalam Islam? Sejauhmanakah anak muda pada hari ini menjaga ikhtilat sesama rakan mereka? Adakah model drama dan program televisyen mempamerkan gaya ikhtilat yang betul kepada umat Islam kita pada hari ini?

Hakikatnya, menjaga pergaulan dan tingkah laku merupakan suatu tuntutan dalam Islam. Perlakuan

tersebut menggambarkan keindahan akhlak dan keluhuran budi pekerti yang disanjung tinggi dalam Islam. Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud: *“Tidaklah aku diutuskan melainkan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.”* (HR. al-Bukhari). Oleh itu, setiap muslim hendaklah menjaga pergaulan antara lelaki dan wanita yang bukan mahram. Hal ini tidak terkecuali kepada mana-mana wanita atau lelaki yang keluar rumah untuk menjalankan sebarang urusan seperti bekerja, belajar, berpolitik, berjual-beli dan bersukan.

Jelasnya, sejarah Islam telah menunjukkan beberapa contoh yang baik dalam aspek pergaulan antara lelaki dan wanita yang bukan muhrim. Pertama, pada zaman Rasulullah SAW mulanya kaum lelaki dan wanita boleh memasuki masjid menerusi mana-mana pintu yang terbuka. Namun, apabila sering berlaku kesesakan maka Rasulullah SAW telah bersabda, *“Alangkah baiknya sekiranya kamu jadikan pintu ini untuk wanita.”* Lantaran itu, pintu tersebut sehingga sekarang dikhususkan untuk wanita masuk menerusinya dan dikenali sebagai *Bab An-Nisa’*.

Kedua, Rasulullah SAW pernah menolak apabila wanita Islam menghulurkan tangan untuk berbaiah dengan baginda. Ketiga, Rasulullah SAW juga menyuruh para wanita berjalan di tepi-tepi jalan bagi mengelakkan percampuran antara lelaki dan wanita. Keempat, penyertaan kaum wanita di medan perang juga disertai oleh mahram dalam kalangan ayah, suami atau anak lelaki mereka.

Peranan wanita dalam peperangan juga dihadkan untuk memberi rawatan kecemasan, menjaga pejuang Islam yang tercedera, memasak, menyediakan minuman dan melengkapkan keperluan peperangan yang diperlukan oleh kaum mujahidin.

Menyedari hakikat ini, bentuk penjagaan ikhtilat yang ditunjukkan sepatutnya menjadi tauladan yang berguna kepada generasi moden kita pada hari ini. Model ini adalah tepat untuk dijadikan inspirasi bagi mengatur urusan mereka apabila melibatkan percampuran jantina. Model muamalah yang baik bukanlah sepertimana yang dilihat di dalam drama atau program-program lain di kaca televisyen yang mempamerkan pergaulan bebas tanpa batasan.

Sidang Jumaat yang berbahagia,

Ulamak tafsir juga telah menetapkan syarat dan tatacara yang khusus berkaitan penjagaan ikhtilat. Bentuk-bentuk penjagaan ikhtilat yang perlu diambil perhatian termasuklah tidak bersunyan antara lelaki dan wanita. Islam melarang seorang wanita berkhawat bersama dengan seorang lelaki. Menurut Abdul Karim Zaidan perbuatan ini adalah haram menurut al-Sunnah dan Ijmak. Kemudian, perkara ini disokong oleh hadis riwayat Ibn Abas r.a daripada Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

“Janganlah seorang lelaki itu bersunyi dengan seorang wanita kecuali disertai dengan mahramnya.” (HR al-Bukhari, no 5233).

Menurut al-Asqalani hadis tersebut menerangkan tentang larangan berkhalwat dengan wanita yang bukan mahram dan disepakati oleh para ulamak. Bersunyi-sunyian di antara lelaki dengan perempuan boleh menimbulkan berbagai-bagai perkara buruk seperti zina. Khalwat yang dibenarkan dalam Islam ialah apabila seorang lelaki dan seorang wanita berjumpa di khalayak ramai. Perbualan dan perbuatan mereka berdua didengari serta dilihat oleh orang ramai. Selain itu, dibenarkan dua atau tiga orang lelaki berkhalwat dengan seorang wanita dengan syarat lelaki tersebut dalam kalangan orang yang soleh walaupun ada pendapat yang mengharamkannya. Seterusnya, dibenarkan juga seorang lelaki berkhalwat dengan sekumpulan wanita. Walaupun hadis berkenaan menjelaskan tentang pengharaman bersunyi-sunyian dengan wanita asing, namun tidak pula mengharamkan interaksi wanita dengan kaum lelaki semasa bekerja asalkan mereka beriltizam dengan adab Islam.

Antara adab pertemuan antara lelaki dan wanita ialah:

1. Berlaku ketegasan ketika berbincang tanpa gurau-senda yang berlebih-lebihan sehingga mendatangkan fitnah dan kemungkaran.

2. Menahan pandangan. Menahan dan menjaga pandangan di sini bermaksud tidak melihat aurat sesama manusia, memandang dengan pandangan yang bernafsu atau memandang dengan pandangan yang lama tanpa keperluan.
3. Menghindari berjabat tangan antara lelaki dan wanita.
4. Memisahkan antara lelaki dan wanita dalam situasi tertentu.
5. Tidak bersesak-sesak antara lelaki dan wanita dalam sesebuah tempat.
6. Mengelakkan khalwat atau bersunyi-sunyian antara lelaki dan wanita.
7. Meminta izin suami jika bertemu dengan wanita yang suaminya tiada di rumah.
8. Menghindari pertemuan yang lama dan berulang-ulang antara lelaki dan wanita bagi menutup pintu-pintu fitnah (*saddu zara'ij*).
9. Mengelakkan membuat sebarang pertemuan di tempat yang boleh menimbulkan fitnah, menjauhi perbuatan maksiat dan dosa.
10. Memakai pakaian yang sopan dan menutup aurat dengan sempurna.
11. Mengawal perbuatan dan pergerakan agar sentiasa tenang dan tidak keterlaluan.
12. Serius ketika bercakap dan berhujah bersama lelaki yang bukan mahram. Larangan ini sepertimana dalam firman Allah SWT:

فَلَا تَخْضَعْنَ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعَ الَّذِي فِي قَلْبِهِ مَرَضٌ وَقُلْنَ قَوْلًا
مَّعْرُوفًا (32)

Maksudnya: "Oleh itu, janganlah kamu berkata-kata dengan lembut manja (semasa kamu bercakap dengan lelaki yang asing) kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit di dalam hatinya (menaruh tujuan buruk kepada kamu) dan berkatalah dengan kata-kata yang baik (sesuai dan sopan)." (Surah al-Ahzab: 33: 32)

Sidang Jumaat yang di rahmati Allah SWT,

Kaum lelaki juga diharamkan memandangi kaum wanita tanpa keperluan yang mendesak dan berserta dengan syahwat kerana boleh membawa kepada maksiat. Pandangan yang dibenarkan adalah untuk kemaslahatan tertentu dalam menuntut ilmu, berjual-beli, rawatan dan penyaksian. Pendapat yang diutarakan menyebabkan larangan wanita memandu kenderaan sendiri dan menaiki kenderaan awam tanpa mahram berdasarkan alasan yang sama dibimbangi berlakunya percampuran bebas antara lelaki dan wanita. Hukum ini diguna pakai di negara Arab kerana wanita mereka tidak dibenarkan memandu kenderaan malahan sekolah dan universiti juga diasingkan terus antara lelaki dan wanita termasuk pengajar dan pentadbir hanyalah daripada jantina yang sama. Di Malaysia, lebih mengambil pandangan dibolehkan oleh

bercampur untuk tujuan yang baik seperti belajar, bekerja dan berjual-beli.

Seterusnya penjagaan *ikhtilat* termasuk komunikasi antara lelaki dan wanita menggunakan medium sosial seperti *facebook*, *WhatsApp* dan E-mil. Oleh kerana itu, kita hendaklah berhati-hati menggunakan medium sosial ini. Keperihatianan terhadap penggunaan teknologi maklumat dengan betul mampu memberi kebaikan kepada penggunaanya. Namun, sekiranya perkara ini dibiarkan boleh mengundang pelbagai masalah sosial seperti perbuatan zina, khalwat, permusuhan bahkan perceraian dalam keluarga.

Oleh itu, pengguna Islam yang bijak cenderung membuat pemilihan rakan *facebook* yang sama jantina sebagai alternatif untuk menjaga hubungan antara lelaki dan wanita. Sekiranya perlu melibatkan rakan yang berlainan jantina maka pemilihan boleh dibuat berdasarkan kepentingan dakwah, keperluan pekerjaan atau pembelajaran sahaja.

Pengguna Islam hendaklah menjaga adab ketika memberikan komentar di alam maya, berhati-hati ketika memuatnaikkan gambar yang perlu atau sesuai sahaja, menulis berkaitan pekerjaan atau pendidikan dan menjadikan *facebook* atau *whatsapp* sebagai ruang untuk memberi tazkirah kepada masyarakat sebagai usaha dakwah atau motivasi.

Kesimpulannya, pertemuan antara lelaki dan wanita hakikatnya tidaklah haram. Sebaliknya, ia merupakan perkara yang dituntut sekiranya niat daripada pertemuan itu ialah untuk bekerjasama dalam perkara-perkara yang baik. Antaranya untuk urusan menuntut ilmu seperti yang telah disebutkan sebelum ini.

Tetapi, hal ini tidaklah bermakna semuanya itu memberi ruang kebebasan kepada lelaki dan wanita untuk membelakangi batasan atau melupakan had yang telah ditentukan oleh syarak. Akhirnya, sama-sama kita renungi firman Allah SWT untuk meningkatkan motivasi iman dan takwa serta mendidik diri agar mematuhi segala perintahNya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ ءَامِنُوا كَمَا ءَامَنَ النَّاسُ قَالُوا أَنُؤْمِنُ كَمَا ءَامَنَ السُّفَهَاءُ أَلَا
إِنَّهُمْ هُمُ السُّفَهَاءُ وَلَكِن لَّا يَعْلَمُونَ

Maksudnya: "Apabila dikatakan kepada mereka: "Berimanlah kamu sebagaimana orang-orang yang telah beriman." Mereka menjawab: "Akan berimankah kami sebagaimana orang-orang yang bodoh itu telah beriman?" Ingatlah, sesungguhnya mereka itulah yang bodoh, tetapi mereka tidak tahu. (Surah al-Baqarah, 2:13)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَفَعَّلِي وَإِيَّكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ
الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّائِبِينَ.

Tajuk 3: Menghormati Hak dan Kedudukan Wanita

Ustazah Rahmawatulhusna binti Sokhipul Hadi

قال الله تعالى :

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ
بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ
الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ
اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ (٧١)

أشهد أن لا إله إلا الله وأشهد أن محمدا عبده ورسوله. أشهد أن
لا إله إلا الله وحده لا شريك له، وأشهد أن محمدا عبده ورسوله،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ
فَارَ الْمُتَّقُونَ.

وَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ
فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا (59)

Maksudnya: "Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu beralih pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (al-Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik kesudahannya". (Surah al-Nisa', 4: 59)

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Saya menyeru kepada diri saya dan sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan ini mendapat keberkatan di dunia dan di akhirat. Khutbah pada hari ini akan membicarakan tajuk, "Menghormati Hak Dan Kedudukan Wanita".

Islam sebagai agama rahmatan lil Alamin memposisikan golongan wanita pada tempat yang mulia di samping lelaki berdasarkan persamaannya dalam beberapa tanggungjawab dan perbezaan

peranannya bersesuaian dengan kedudukannya serta sifatnya yang saling melengkapi dan memerlukan. Islam menghapus tradisi Jahiliyah yang begitu diskriminatif terhadap golongan wanita. Allah SWT mengingatkan kaum muslimin supaya mendampingi kaum wanita dengan melaksanakan prinsip amar makruf dan nahi mungkar. Hal ini jelas sepertimana yang disebutkan di dalam surah At-Taubah ayat 71 yang dibacakan tadi yang bermaksud,

“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”(Surah al-Taubah, 9: 71)

Sidang Jumaat yang dimulikan,

Kerajaan juga telah mengambil langkah menggubal Dasar Wanita Negara pada tahun 1989 kerana menyedari akan kepentingan peranan wanita dalam menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara. Dulu, kini dan selamanya sentiasa ada wanita yang telah membuktikan kejayaan dan peranannya membangunkan ummah di samping lelaki. Boleh dikatakan bahawa kejayaan seseorang lelaki ada

wanita di sebaliknya, sama ada ibunya, isterinya, anak perempuannya, saudara perempuannya atau wanita di sekeliling mereka. Rasulullah SAW mengingatkan agar umat Islam menghargai dan memuliakan kaum wanita melalui sabdanya:

اِسْتَوْضُوا بِالنِّسَاءِ خَيْرًا

“Aku wasiatkan kepada kalian untuk berbuat baik kepada para wanita.” (HR Muslim, no 1468)

Golongan wanita dikurniakan kemuliaan dalam Islam kerana layak menerima *taklif*, tanggungjawab, pembalasan dan berhak mendapat layanan yang sewajarnya tanpa mengira taraf, situasi dan masa. Justeru itu, mimbar ingin menyatakan dengan tegas, bahawa kejahilan dan sikap tidak mahu memahami serta menghargai sesuatu akan menatijahkan perkara yang tidak diingini berlaku.

Sidang Jumaat yang dimuliakan,

Islam menggariskan beberapa tanggungjawab sebagai seorang Muslim terhadap wanita sebagaimana berikut:

Pertama: Menjadi pembela dan pemelihara kepada kaum wanita dan lingkungannya. Mereka perlu diberi perlindungan kerana mereka lebih mudah terdedah kepada fitnah. Sebagai

masyarakat yang prihatin, kita perlu membantu membanteras dan menangani segala bentuk penindasan dan keganasan yang dapat merendahkan martabat dan menodai kehormatan diri wanita.

Kedua: Mendidik dan membimbing kaum wanita agar memelihara maruahnya seperti dengan memakai pakaian yang menutup aurat serta berakhlak terpuji bagi memastikan tiada pihak yang mengambil kesempatan jahat atas diri wanita. Kaum lelaki dan wanita diperintahkan untuk saling menundukkan pandangan agar dapat mencegah mereka daripada mempunyai pandangan yang dapat membawa kepada tindakan yang tidak baik. Islam tidak pernah mengetepikan peranan wanita dalam semua aspek kehidupan selagi mana mereka boleh menjaga kehormatan dan keselamatan dirinya serta tidak mengundang kemaksiatan.

Ketiga: Jika wanita itu seorang ibu, maka mereka wajib mengasihi, mentaati dan melayani ibunya dengan baik. Islam meletakkan ibu di tempat yang tertinggi kerana kepayahan yang ditanggungnya sewaktu mengandung, melahirkan, menyusui dan membesarkan anak. Oleh itu, ibu diberi keutamaan lebih daripada bapa.

Keempat: Jika wanita itu sebagai seorang isteri, maka mereka itu adalah amanah yang selayaknya dihargai dan disempurnakan haknya. Sabda

Rasulullah SAW dalam khutbah wada' yang bermaksud:

“Bertakwalah kamu kepada Allah dalam menghadapi kaum wanita. Sesungguhnya kamu mengahwini mereka dengan amanah Allah dan kamu dihalalkan mendampingi mereka dengan kalimah Allah.” (HR Muslim, no 1218).

Kelima: Jika wanita itu seorang janda, balu atau ibu tunggal, maka berilah simpati, penghormatan dan bantuan kepada mereka serta tidak menjadikan mereka sebagai bahan bualan, umpatan atau memberi pandangan sinis.

Keenam: Jika wanita itu anak perempuan, didiklah mereka dengan asas-asas Islam agar mereka dapat memahami tanggungjawab mereka sebagai Muslimah sepertimana yang digariskan oleh Islam agar kelak menjadi wanita solehah, bermaruah dan berpegang teguh kepada syariat Islam dalam setiap aspek kehidupannya.

Keenam: Jika wanita itu saudara perempuan, apabila bapa atau suaminya telah meninggal dunia, maka saudara lelakinya berkewajipan mengawasi dan memelihara maruah saudara perempuan sepertimana mereka memelihara maruah anak dan isteri mereka sendiri. Oleh itu, kaum lelaki mestilah mengambil tanggungjawab

mendidik, membimbing dan melindungi saudara-saudara perempuan dan anak-anaknya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Bagi mengakhiri khutbah ini, khatib menyarankan beberapa perkara iaitu:

1. Mimbar menyeru supaya tiada pihak yang cuba mengambil kesempatan dengan mengeksploitasi kaum wanita, merendahkan martabat wanita serta menafikan hak mereka.
2. Mimbar juga menyeru supaya kaum lelaki memimpin dan menjaga kehormatan kaum wanita serta mempertahankan hak-hak mereka seperti yang digariskan dalam Islam dan tidak sesekali memperlakukan wanita bagi tujuan kepentingan dan kepuasan peribadi.
3. Mimbar juga menyeru supaya wanita hari ini dapat meletakkan kedudukan, maruah dan martabat dirinya seiring dengan syariat Islam.

Allah berfirman tentang hak wanita:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَلَهُنَّ مِثْلُ الَّذِي عَلَيْهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَّ دَرَجَةٌ وَاللَّهُ عَزِيزٌ
حَكِيمٌ

Maksudnya: "Dan para wanita mempunyai hak yang seimbang dengan kewajibannya menurut cara yang makruf. Akan tetapi laki-laki, mempunyai satu tingkatan kelebihan daripada isterinya. Dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana." (Surah al-Baqarah, 2: 228)

Oleh itu, dapat kita fahami bahawa Islam sangat memandang tinggi dan memuliakan darjat dan maruah wanita. Justeru, kita semua berperanan untuk melahirkan wanita solehah yang boleh membangun ummah sepertimana hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin 'Amr RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الدُّنْيَا مَتَاعٌ وَخَيْرُ مَتَاعِ الدُّنْيَا الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ

Maksudnya: "Dunia adalah perhiasan, dan sebaik-baik perhiasan dunia adalah wanita yang solehah." (HR. Muslim, no 1467)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَفَعَّلِي وَإِيَّكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ
الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.

Tajuk 4: Zakat dan Sedekah Membawa Berkah

Ustaz Amir Irsyad bin Saim

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ

أشهد أن لا إله إلا الله وأشهد أن محمدا عبده ورسوله. أشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له، وأشهد أن محمدا عبده ورسوله، اللهم صلِّ وسلِّم على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين.

أما بعد، فيا عباد الله! اتقوا الله، أوصيكم وإياي بتقوى الله، فقد فاز المتقون.

وَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا (59)

Maksudnya: "Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (al-Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian.

Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik kesudahannya". (Surah al-Nisa', 4: 59)

Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Alhamdulillah, Allah SWT telah mengurniakan kepada kita berbagai nikmat, antaranya ialah nikmat harta kekayaan. Agama Islam memandang harta itu sebagai anugerah dan amanah daripada Allah SWT untuk kita urus dengan sebaik-baiknya, seperti membelanjakannya pada perkara-perkara yang baik dan berfaedah, memberi nafkah kepada orang-orang yang di bawah tanggungjawabnya, serta menyalurkannya ke arah perkara yang berkebaikan seperti bersedekah dan lebih-lebih lagi mengeluarkan zakat.

Mengeluarkan zakat merupakan salah satu kewajipan daripada rukun Islam yang lima apabila telah cukup syarat dan haulnya. Mengeluarkan zakat merupakan perintah Allah SWT sebagaimana firmanNya dalam surah al-Baqarah ayat 110:

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

وَأَقْبِمُوا الصَّلَاةَ وَعَاتُوا الزَّكَاةَ ۝

Maksudnya: "Dan kamu dirikanlah sembahyang dan bayarlah zakat"(Surah al-Baqarah, 2: 110)

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga ada bersabda dalam sebuah hadis:

رَسُولُهُ، وإِقامَ الصَّلَاةِ، وإِيتاءِ الزَّكَاةِ، وَحَجِّ البَيْتِ، وَصَوْمِ رَمَضانَ
بُنَيِّ الإِسْلامِ على خَمِيسٍ: شَهادَةِ أَنْ لا إِلهَ إِلاَّ اللهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

Maksudnya: Daripada Abu Abdurrahman, Abdullah bin Umar Al-Khatab RA dia berkata: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: Islam dibangun atas lima perkara: Bersaksi bahawa tiada yang berhak disembah selain Allah dan bahawa Nabi Muhammad utusan Allah, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, menunaikan fardu haji dan berpuasa di bulan Ramadhan" (HR. Muslim, no. 16)

Muslimin yang dirahmati Allah,

Sebagaimana yang kita ketahui zakat itu terbahagi kepada dua iaitu zakat harta dan zakat fitrah. Akan tetapi masih terdapat orang yang mengambil ringan tentang zakat harta berbanding zakat fitrah

kerana beranggapan bahawa zakat yang wajib ialah zakat fitrah sahaja. Ketahuilah bahawa zakat harta itu sama kewajibannya dengan zakat fitrah untuk dikeluarkan setelah cukup syarat-syaratnya.

Sesungguhnya orang yang tidak mahu membayar zakat padahal dia mampu untuk berbuat demikian, maka mereka akan diazab di akhirat nanti. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 180:

وَلَا يَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَبْخُلُونَ بِمَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ هُوَ حَيْرًا لَّهُمْ ۗ
بَلْ هُوَ شَرٌّ لَّهُمْ ۗ سَيُطَوَّقُونَ مَا بَخُلُوا بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ۗ وَاللَّهُ مِيرِثُ
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

Maksudnya: "Dan janganlah sekali-kali orang yang bakhil dengan apa yang telah dikurniakan Allah kepada mereka daripada kurnia kemurahanNya (enggan mengeluarkan harta dijalan Allah dan tidak mahu membayar zakat) menyangka bahawa kebakhilan itu baik bagi mereka. Bahkan sebenarnya kebakhilan itu adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalungkan dengan apa yang mereka bakhilkan itu pada hari kiamat kelak. Dan kepunyaan Allah jual lah segala warisan (yang ada) di langit dan di bumi. Dan Allah Maha teliti terhadap apa yang kamu kerjakan" (Surah Ali Imran, 3: 180)

Sesungguhnya orang-orang yang mengeluarkan zakat akan memperolehi ganjaran yang besar

daripada Allah SWT, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Ar-Rum ayat 39:

وَمَا آتَيْتُمْ مِّن رَّبًّا لِّيَرْبُوًا فِي أَمْوَالِ النَّاسِ فَلَا يَرْبُوًا عِنْدَ اللَّهِ ۗ وَمَا آتَيْتُمْ مِّن زَكَاةٍ تُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُضْعِفُونَ

Maksudnya: "Dan pemberian (riba) yang kamu berikan dengan maksud supaya ia bertambah pada harta manusia maka ia tidak bertambah di sisi Allah, dan pemberian zakat atau sedekah yang kamu berikan kerana menghendaki keredhaan Allah maka mereka itulah orang yang mendapat pahala berlipat ganda." (Surah al-Rum, 30: 39)

Selain itu, tujuan zakat disyariatkan ialah untuk mengagihkan kekayaan daripada golongan yang kaya kepada golongan yang kurang berkemampuan. Dengan membayar zakat juga, kita dapat membersihkan diri daripada sifat mazmumah (tercela) seperti sifat kedekut, hasad dengki, iri hati, sombong, takbur dan sebagainya. Jika harta itu dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya dan di jalan yang betul, sudah tentu akan terjalin keharmonian di antara golongan kaya dan miskin. Kemudian, menunaikan zakat juga dapat membentuk akhlak mahmudah (mulia) seperti bertakwa, pemurah, rasa tolak ansur dan rasa simpati kepada golongan yang kurang bernasib baik.

Orang yang membayar zakat tidak akan menyebabkan seseorang itu miskin atau berkurang

hartanya kerana di dalam zakat ada hikmah berupa "berkat" atau keberkatan yang dikurniakan Allah SWT kepada pengeluar dan penerima zakat termasuk juga pada harta yang telah dizakatkan itu sendiri. Berkat adalah suatu nikmat Allah yang tidak dapat dilihat dan disentuh tetapi dapat dirasakan dan dinikmati kesannya dalam kehidupan seharian. Oleh itu, dengan membayar zakat kita akan mendapat keredaan daripada Allah SWT, dan mewujudkan sifat bersyukur terhadap nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT dan mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara satu sama lain.

Selain itu, hikmah berzakat dapat dilihat dengan pembangunan ekonomi para asnaf yang terdiri daripada golongan yang kurang berkemampuan. Ini dapat dilihat daripada usaha Majlis Agama Islam Negeri-Negeri yang mewujudkan pelbagai inisiatif kepada asnaf untuk keluar daripada kepompong kemiskinan.

Majlis Agama Islam Negeri Johor misalnya, menyediakan aktiviti Pembangunan Asnaf dan Pusat Kemahiran Asnaf Zakat tidak lain bertujuan meningkatkan mutu kehidupan asnaf yang terlibat. Antara aktiviti yang dijalankan adalah Kursus Usahawan Melayu dan Pengurusan Kewangan, Kursus Pemasaran dan Penjenamaan, Kursus Menjaja dan Pasar malam dan Kursus Persijilan Halal.

Secara tidak langsung aktiviti seperti ini mampu untuk mencambahkan keazaman para asnaf untuk

mencipta perniagaan sendiri dan membela nasib keluarga sendiri tanpa perlu memohon daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor sebaliknya, merekalah yang akan menyumbang kembali zakat sebagai satu kewajipan seorang Muslim.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Begitu juga halnya dengan bersedekah, ia juga mempunyai kelebihan dan ganjaran yang berlipat ganda. Sebagaimana zakat, bersedekah juga dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan serta dapat membantu golongan yang kurang berkemampuan dan dapat mengeratkan silaturrahim. Sememangnya amat mudah untuk kita menghulurkan sedekah seperti di tabung-tabung yang disediakan di masjid-masjid, di pusat-pusat membeli belah dan lain-lain, termasuklah tabung dana bagi pembinaan pusat-pusat pengajian dan masjid di seluruh negara.

Nabi Muhammad SAW bersabda, maksudnya:

"Barangsiapa membina masjid kerana Allah, sekalipun hanya seperti sarang burung, maka Allah akan membina untuknya rumah di dalam syurga". (HR Ibn Majah, no. 738)

Inilah janji Allah SWT kepada orang-orang yang membina masjid, dan adapun tabung dana yang ada ini, In Sya Allah akan memungkinkan kita orang-orang Islam di negara ini untuk berkongsi harapan bagi memperolehi janji tersebut. Semua kutipan

yang terkumpul akan dimanfaatkan sebaiknya untuk membina masjid baharu, termasuk memperbaiki masjid yang sedia ada dan sebagainya.

Oleh yang demikian, orang ramai khususnya rakyat dan penduduk negara ini adalah diseru untuk sama-sama mengambil peluang dan kesempatan keemasan ini untuk melakukan amal harian. Kita berdoa semoga segala amal jariah yang kita lakukan dengan ikhlas akan diterima Allah Subhanahu Wata'ala dan akan mendapat ganjaran yang berlipat ganda sepertimana yang telah dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah Al-Baqarah ayat 261:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ
سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُنبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ
وَسِيعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya: "Perumpamaan orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah samalah seperti menanam sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, tiap-tiap satu tangkai pula mengandungi seratus biji. Dan Allah mengandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaknya. Dan Allah

Maha Luas Rahmat dan Limpah KurniaNya lagi
Maha Mengetahui". (Surah al-Baqarah 2: 261)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوَزَ
الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.

Tajuk 5: Jumaat al-Mubarak Menjana Motivasi Amal

Prof. Madya Dr. Aminuddin bin Ruskam

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الزَّمَانَ، وَفَضَّلَ بَعْضَهُ عَلَى بَعْضٍ فَخَصَّ بَعْضَ الشُّهُورِ وَالْأَيَّامِ، وَاللَّيَالِي بِمَزَايَا وَفَضَائِلٍ يُعْظَمُ فِيهَا الْأَجْرُ وَالْحَسَنَاتُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، الدَّاعِيَ بِقَوْلِهِ وَفِعْلِهِ إِلَى الرَّشَادِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ هُدَاةِ الْأَنَامِ فِي أَنْحَاءِ الْبِلَادِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى بِفِعْلِ الطَّاعَاتِ، فَقَدْ قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْكَرِيمِ:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ وَزُمْرَةَ الْمُؤْمِنِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian, sebagaimana yang kita maklum bahawa hari

Jumaat merupakan salah satu hari yang diagungkan. Nabi SAW bersabda :

وعن أبي هريرة رضي الله عنه قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : حَيْرُ يَوْمٍ طَلَعَتْ عَلَيْهِ الشَّمْسُ يَوْمَ الْجُمُعَةِ ، فِيهِ خُلِقَ آدَمُ ، وَفِيهِ أُدْخِلَ الْجَنَّةَ ، وَفِيهِ أُخْرِجَ مِنْهَا

Maksudnya: Dari abu Hurairah radiyallahuanhu, katanya Rasulullah SAW bersabda "Sebaik-baik hari yang matahari terbit padanya (hari cerah) adalah hari Jumaat, (kerana) pada hari ini Adam diciptakan, hari ini pula Adam dimasukkan ke dalam surga dan dikeluarkan darinya". (HR. Muslim, no. 854).

Pada hari Jumaat terdapat pelbagai keistimewaan, banyak barakah yang dapat kita perolehi dengan cara meningkatkan ubudiyah dalam amal ibadah kita. Hari Jumaat tergolong hari yang istimewa dalam Islam. Nama "Jumaat" adalah berbeza dari nama-nama hari yang lain. Kata "Jumaat" dalam Qamus Al-Lughah Al-Arabiyah Al-Ma'ashir dapat dibaca dalam tiga bentuk: Jumu'ah, Jum'ah, dan Juma'ah, yang membawa erti berkumpul.

Sementara hari-hari lain memiliki makna yang mirip dengan urutan angka dan nombor seperti Ahad (hari pertama), Isnain (hari kedua), Thulatsa (hari

ketiga), Arbi'a (hari keempat) dan Khamis (hari kelima), serta sabtu yang berakar kata dari sab'ah (hari ketujuh). Pada masa Arab Jahiliyah nama-nama hari terdiri dari Syiyar (Sabtu), Awwal (Ahad), Ahwan (Isnin), Jubar (Selasa), Dubar (Rabu), Mu'nis (Kamis), dan 'Arubah (Jumaat).

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ وَرُؤْمَةَ الْمُؤْمِنِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ

Nama-nama klasik mengikut tradisi amalan jahiliyyah kemudiannya diubah setelah kedatangan Islam. Rasulullah SAW tidak hanya melakukan pemurnian moral tapi juga melakukan pemurnian bahasa. Kata-kata yang kurang tepat dimaknai semula sesuai dengan nilai-nilai keindahan Islam. Di kalangan masyarakat Arab Jahiliyah, 'Arubah merupakan momentum untuk menampilkan kemegahan, kebanggaan, berhias, dan semacamnya.

Dalam Islam 'Arubah berubah menjadi Jumu'ah yang mengandung erti berkumpul. Tentu saja lebih dari sekadar berkumpul, kerana dalam syari'at, Jumaat mendapatkan gelaran sayyidul ayyam atau penghulu segala hari. Dengan kata lain, Jumaat menduduki posisi paling utama di antara hari-hari lainnya dalam seminggu.

Oleh kerana itu Jumaat di kenali sebagai hari doa yang mustajab. Hadis yang diriwayatkan dari Abu Hurairah radhiyallahu'anhu, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ ذَكَرَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ، فَقَالَ: فِيهِ سَاعَةٌ لَا يُوَافِقُهَا عَبْدٌ مُسْلِمٌ، وَهُوَ قَائِمٌ يُصَلِّي يَسْأَلُ اللَّهَ شَيْئًا، إِلَّا أَعْطَاهُ إِيَّاهُ.

Maksudnya: Dari Abu Hurairah radiyallahuanhu, katanya Rasulullah SAW bersabda "Di hari Jumaat terdapat suatu waktu yang tidaklah seorang hamba Muslim yang dia berdiri melaksanakan solat lantas dia memanjatkan suatu doa pada Allah bertepatan dengan waktu tersebut melainkan Allah akan memberi apa yang dia minta." (HR. Bukhari, no. 893 dan Muslim, no 852).

Selanjutnya Abu Musa al-Asy'ari mendengar Nabi SAW bersabda apabila beliau ditanya oleh Ibn Umar.

عَنْ أَبِي بُرْدَةَ بْنِ أَبِي مُوسَى الْأَشْعَرِيِّ قَالَ: قَالَ لِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عُمَرَ أَسَمِعْتَ أَبَاكَ يُحَدِّثُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي شَأْنِ سَاعَةِ الْجُمُعَةِ شَيْئًا؟ قَالَ: نَعَمْ سَمِعْتُهُ يَقُولُ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: هِيَ مَا بَيْنَ أَنْ يَجْلِسَ الْإِمَامُ إِلَى أَنْ تُقْضَى الصَّلَاةُ.

Maksudnya: Dari Abu Burdah bin Abi Musa al-Asya'ari katanya, Abdullah bin Umar bertanya kepadaku, Adakah kamu pernah mendengar ayahmu meriwayatkan hadis daripada

Rasulullah SAW berkenaan satu waktu (mustajab) pada hari Jumaat?”. “Ya, aku pernah mendengarnya”. Aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: “Ia adalah di antara duduknya imam sehingga selesainya solat didirikan”. (HR. Muslim, no. 853)

مَعَايِرَ الْمُسْلِمِينَ وَزُمرَةَ الْمُؤْمِنِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ

Di antara kita kadang lupa, tak merasakan, keutamaan hari Jumaat kerana terleka dengan rutin harian. Kesibukan setiap hari sering membuat kita lengah sehingga menyamakan hari Jumaat tak ubahnya hari-hari biasa lainnya. Padahal, di tiap tahun ada bulan-bulan utama, di tiap bulan ada hari-hari utama, dan di tiap hari ada waktu-waktu utama. Masing-masing keutamaan memiliki kekhususan sehingga menjadi momentum yang sangat baik untuk merenungi diri, berdoa, bermunajat, berzikir, dan meningkatkan ibadah kepada Allah ﷻ.

Keistimewaan hari Jumaat boleh dilihat dari disunahkannya mandi Jumaat. Dalam Al-Hawi Kabir karya al-Mawardi, Imam Syafi'i menjelaskan bahwa meskipun solat Jumaat dilaksanakan pada waktu solat zuhur, mandi Jumaat boleh dilakukan semenjak dini hari, setelah terbit fajar. Mandi adalah simbol kebersihan dan kesucian diri. Setelah mandi, seseorang dianjurkan untuk memakai pakaian terbaik, terutama warna putih, sebelum berangkat menuju solat Jumaat.

Umat Islam juga diperingatkan untuk menyambut hari istimewa itu dengan kesiapan dan penampilan yang juga istimewa. Dalam Bidayatul Hidayah, Imam Abu Hamid al-Ghazali menyebut hari Jumaat sebagai hari raya para mukminin ('idul mu'minin). Imam al-Ghazali turut menyarankan agar umat Islam mempersiapkan diri menyambut hari Jumaat sejak hari Kamis, dimulai dengan mencuci baju, lalu memperbanyak membaca tasbih dan istighfar pada Khamis petang itu ketika ghurubnya matahari sudah memasuki waktu keutamaan hari Jumaat. Selanjutnya, kata Imam al-Ghazali, berniatlah puasa hari Jumaat sebagai rangkaian dari puasa tiga hari berturut-turut Kamis-Jumaat-Sabtu, sebab ada larangan puasa khusus hari Jumaat saja.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ

Hari Jumaat juga menjadi semacam konferensi mingguan bagi umat Islam, kerana di hari Jumaatlah ada solat berjamaah dan khutbah Jumaat. Setiap umat Islam laki-laki yang tidak memiliki uzur syar'i wajib 'aini melaksanakannya. Ertinya, setelah berkumpul mencukupi bilangannya, Jumaat menjadi momen konsolidasi persatuan umat sekaligus memupuk ketakwaan melalui nasihat-nasihat positif dari para imam dan khatib. Tentu keutamaan melahirkan kesedaran untuk menunaikan solat Jumaat dengan penuh kesungguhan, menyimak khutbah secara baik, bukan cuma rutin sahaja, sekali imbas sekadar menggugurkan kewajiban.

Unjuran menyuburkan amalan-amalan utama hari Jumaat juga dibuka seluasnya. Di antaranya adalah memperbanyak baca selawat, memperbanyak doa, bersedekah; membaca Surat al-Kahfi, Surah al-Mulk, Surah al-Waqiah, Surah Sajadah, Surah Insan, Surat al-Ikhlâs, Surat al-Falaq, dan Surat an-Nas, serta ibadah-ibadah lainnya. Semua amalan ini memiliki fadhilah yang mulia dan berlipat ganda ganjarannya.

Imam as-Suyuthi dalam kitabnya, 'Amal Yaum wa Lailah, mengatakan:

ويقرأ بعد الجمعة قبل أن يتكلم: الإخلاص والمعوذتين (سبعاً وسبعاً). ويكثر من الصلاة على النبي صلى الله عليه وسلم سوم الجمعة وليلة الجمعة. ويصلى راتبة الجمعة التي بعدها في بيته لا في المسجد. وماذا يفعل بعدها؟ ويمشي— بعدها لزيارة أخ أو عيادة مريض أو حضور جنازة أو عقد نكاح.

Maksudnya: "Nabi SAW membaca Surat al-Ikhlâs, al-Falaq, dan an-Nas sesudah solat Jumaat sebanyak tujuh kali dan Baginda memperbanyak selawat pada hari Jumaat dan malamnya. Baginda juga mengerjakan solat sunah setelah solat Jumaat di rumahnya, tidak di masjid. Setelah itu apa yang dilakukan Nabi SAW? Baginda mengunjungi saudaranya, menjenguk orang sakit,

menghadiri jenazah iaitu mengucapkan bertakziah atau menghadiri akad nikah."

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ

Dengan demikian, umat Islam diajak untuk menjadikan hari Jumaat sebagai hari khusus untuk memperbanyak ibadah. Tidak jarang, Jumaat dijadikan oleh para ulama untuk mengistirahatkan diri sejenak dari hiruk-pikuk kesibukan duniawi, untuk mengkhhususkan diri beramal soleh di hari Jumaat. Sebagaimana dilakukan Rasulullah SAW, hari Jumaat bukan semata untuk meningkatkan ritual ibadah kepada Allah tapi juga berbuat baik kepada sesama manusia, seperti bersilaturahmi, berempati kepada orang yang menerima musibah, dan lain-lain. Kerana itu dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Qadla'i dan Ibnu Asakir dari Ibnu Abbas disebutkan hari Jumaat sebagai:

وَحَجُّ الْفُقَرَاءِ

"Hajinya orang-orang fakir."

Al-Mula Ali Al-Qari dalam kitab Mirqot al-Mafatih Syarh Misykat al-Mashobih di halaman 1012 menuliskan pendapat Ibnul Musib yang mengatakan: hari Juma'at lebih disukai Allah Ta'ala daripada haji sunnah, dan disebutkan sebuah riwayat dalam Kitab Jami' al-Shoghair, dari Abbas

secara marfu' (sanad bersambung): Juma'at adalah hajinya orang-orang miskin. dan dalam riwayat lain disebutkan : “(Juma'at) hajinya orang-orang faqir”. (riwayat: Muslim). (Al-Mula 'Ali Al-Qori Mirqotul Mafatih Syarh Misykatul Mashobih, hal: 1012)

Hadis tersebut adalah penegasan tentang betapa istimewanya hari Jumaat dibanding hari-hari lainnya. Kerana itu patut bagi kita untuk meluangkan masa dan meningkatkan motivasi dengan merenung diri dan bermuhasabah, menaikkan kualiti ibadah kita kepada Allah SWT, memperbaiki hubungan sosial, serta memperbanyak amal-amal sunnah lainnya. Cukuplah enam hari kita sibuk dalam mengurus hidup dalam mencari keperperluan duniawi. Apa salahnya mengitimewakan satu hari untuk menyegarkan kondisi rohani kita agar tidak layu, kering, ataupun kontang.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ وَرُؤْمَةَ الْمُؤْمِنِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ

Semoga perkongsian khatib di hari yang penuh barakah ini memotivasikan jiwa para jemaah untuk terus menggarap reda Ilahi. Menyuburkan semangat untuk melaksanakan anjuran menambah tabungan amal dengan bersungguh-sungguh dan kesedaran yang tinggi. Niat dan hasrat kita semua untuk merealisasikan ubudiyah

kepada Rabb yang menguasai kita dan seluruh alam ini.

بَارِكِ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَقَعِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ آيَةٍ
وَذِكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ وَإِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،
وَأَقُولُ قَوْلِي هَذَا فَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ

Tajuk 6: Bahagia yang Dicari

Dr. Mohd Nasir bin Masroom

الحمد لله القائل:

وَمِنْهُمْ مَّنْ يَقُولُ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ أُولَئِكَ لَهُمْ نَصِيبٌ مِّمَّا كَسَبُوا
وَاللَّهُ سَرِيعُ الْحِسَابِ

أشهد أن لا إله إلا الله وأشهد أن محمدا عبده ورسوله.

اللهم صل وسلم على محمد وعلى آله وأصحابه أجمعين.

أما بعد، فيا عباد الله، اتقوا الله، اوصيكم وإياي بتقوى الله فقد فاز
المتقون.

قال الله تعالى في كتابه العزيز:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي
الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ
إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ
تَأْوِيلًا

Maksudnya: "Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (Al Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik kesudahannya". (Surah al-Nisa', 4: 59)

يا معاشر المسلمين رحمكم الله

Marilah kita berusaha sepenuh daya meningkatkan ketakwaan kepada Allah. Marilah kita bersungguh-sungguh melaksanakan semua perintah-Nya dan menjauhi semua bentuk larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah, perlindungan dan keampunan daripada-Nya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Mencari bahagia atau kebahagiaan adalah matlamat setiap orang. Menjadi bahagia adalah impian semua manusia. Sebagai seorang muslim, kita bercita-cita untuk menjadi Bahagia di dunia dan di akhirat. Firman Allah SWT yang dibacakan pada awal khutbah yadi bermaksud;

Dan di antara mereka pula ada yang (berdoa dengan) berkata: Wahai Tuhan kami, berilah

kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan peliharalah kami dari azab Neraka. Mereka itulah yang akan mendapat bahagian yang baik dari apa yang telah mereka usahakan dan Allah amat cepat hitunganNya. (Surah al-Baqarah, 2: 201-202)

Dalam ayat ini, Allah SWT menyebutkan perkataan "hasanah" yang bererti kebaikan. Perkataan "hasanah" ini meliputi semua bentuk kebaikan termasuklah kebahagiaan, ketenangan, kesenangan, kesihatan, kegembiraan dan sebagainya.

Berkaitan dengan ayat ini, Allah SWT menyebut bahawa terdapat dua golongan manusia yang berbeza dalam menanggapi makna kebaikan. Pertama golongan yang hanya melihat kebaikan & kebahagiaan itu hanya di dunia sahaja. Mereka berusaha untuk mendapatkan kebaikan berkaitan dengan perkara-perkara dunia seperti harta, anak-anak, kemewahan, kesenangan, kegembiraan dan kesihatan yang berkait dengan kehidupan mereka semata-mata. Mereka terlupa bahawa kebahagiaan abadi adalah di akhirat nanti.

Manakala satu golongan lagi adalah mereka yang berpandangan jauh dan mempunyai jiwa yang besar. Mereka ingin kesenangan dan kebaikan di dunia, tetapi mereka tidak lupa kesenangan dan kebaikan di akhirat nanti. Dengan sebab itu, mereka berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kedua-duanya sekali. Mereka juga

memanjatkan doa agar diberi kebaikan di dunia dan akhirat.

يا معاشر المسلمين رحمكم الله

Sebenarnya, kebahagiaan dan kebaikan di dunia adalah satu perkara yang subjektif dan relatif sifatnya. Ini kerana, setiap orang mempunyai kefahaman dan keperluan yang berbeza dalam mencapai kebahagiaan masing-masing. Sebagai contoh, orang miskin merasakan bahawa dia akan bahagia apabila menjadi kaya. Yang jahil menjadi bahagia dengan kepandaian. Yang hodoh menjadi bahagia apabila menjadi cantik. Yang sakit menjadi bahagia apabila sembuh dan sebagainya. Setiap orang menjadi bahagia apabila tercapai impian, cita-cita dan angan-angan mereka.

Dari sisi lain, manusia sebenarnya tidak dapat menyenaraikan apakah perkara-perkara yang membahagiakan itu kerana terlalu banyak yang ingin dimiliki. Malah, mustahil pula semua perkara itu dapat dimiliki pada masa yang sama. Justeru itu, doa dalam ayat yang dibaca pada awal khutbah tadi sangat memenuhi keperluan manusia. Hal ini demikian kerana sebagai seorang muslim kita amat berhajat kepada ihsan dan rahmat Allah SWT dalam menjadikan kita bahagia di dunia dan akhirat. Kita sendiri tidak mampu menentukan jenis kebajikan dan kesenangan itu, tetapi menyerahkannya kepada pilihan Allah SWT.

Pengharapan kepada Allah SWT untuk memberikan kita apa sahaja kebaikan dan kesenangan yang diberi dengan penuh keinsafan, kesyukuran dan kerelaan. Golongan inilah yang Allah SWT jamin untuk mendapat habuan yang baik dari amalan-amalan yang dilakukan dan tidak akan dilambatkan kebaikan kepada mereka kerana Allah SWT amat cepat hisabNya.

يا معاشر المسلمين رحمكم الله

Kebahagiaan menurut Kamus Dewan, ditakrifkan sebagai suasana aman, damai, gembira, untung. Ini bermaksud, orang yang bahagia akan merasa aman, damai dan gembira. Tetapi perlu diingat bahawa perasaan gembira semata-mata bukanlah satu ukuran kebahagiaan. Ini kerana, kebahagiaan adalah satu tahap yang lebih tinggi dari rasa gembira.

Oleh itu, kebahagiaan sangat berkait rapat dengan perasaan atau emosi seseorang iaitu aman, damai dan tenang. Bertitik tolak dari sini, kembara mencari keamanan, kedamaian dan ketenangan adalah fokus utama dalam mencari kebahagiaan.

Dalam al-Quran terdapat ayat-ayat yang menyebutkan tentang ketenangan. Antaranya, firman Allah SWT;

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِ الْمُؤْمِنِينَ لِيَزْدَادُوا إِيمَانًا مَعَ إِيمَانِهِمْ
وَلِلَّهِ جُنُودُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَكَانَ اللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا

Maksudnya: Dialah yang menurunkan semangat tenang tenteram ke dalam hati orang-orang yang beriman (semasa mereka meradang terhadap angkara musuh) supaya mereka bertambah iman dan yakin beserta dengan iman dan keyakinan mereka yang sedia ada; pada hal Allah menguasai tentera langit dan bumi (untuk menolong mereka) dan Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana. (Surah al-Fath, 48: 4)

Firman Allah SWT lagi;

لَقَدْ رَضِيَ اللَّهُ عَنِ الْمُؤْمِنِينَ إِذْ يُبَايِعُونَكَ تَحْتَ الشَّجَرَةِ فَعَلِمَ مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَنْزَلَ السَّكِينَةَ عَلَيْهِمْ وَأَثَبَهُمْ فَتْحًا قَرِيبًا

Maksudnya: Demi sesungguhnya! Allah reda akan orang-orang yang beriman, ketika mereka memberikan pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muhammad) di bawah naungan pohon (yang termaklum di Hudaibiyah); maka (dengan itu) ternyata apa yang sedia diketahuinya tentang (kebenaran iman dan taat setia) yang ada dalam hati mereka, lalu Dia menurunkan semangat tenang tenteram kepada mereka dan membalas mereka dengan kemenangan yang dekat masa datangnya.

Kedua-dua ayat dari Surah al-Fath ini menyebutkan bahawa Allah SWT menurunkan rasa ketenangan ke dalam hati orang-orang mukmin. Secara umumnya, kedua-dua ayat ini menggambarkan

bagaimana orang-orang mukmin merasa takut, cemas dan bimbang terhadap musuh-musuh Islam yang hendak memerangi mereka. Lalu Allah SWT menurunkan ketenangan kepada mereka melalui janji Rasulullah SAW bahwa Allah SWT akan memberikan kemenangan kepada mereka.

Pengajaran utama dari kedua ayat ini ialah keyakinan orang-orang mukmin yang berpegang teguh kepada janji Allah SWT serta beriman terhadap kekuasaan, kebijaksanaan dan tawakal kepada Allah SWT telah mengatasi semua rasa takut dan bimbang tersebut. Dengan penuh keimanan dan keyakinan bahwa Allah SWT akan membantu mereka, mereka telah meletakkan semua pengharapan mereka hanya kepadaNya.

Dengan keimanan, keyakinan dan tawakal ini mereka menyerahkan hidup dan mati mereka hanya kepada Allah SWT. Mereka pasrah, reda, syukur dan sabar dengan segala ujian, musibah dan cabaran yang mereka hadapi. Semua ini menjadikan mereka merasa tenang walau pun berada dalam keadaan yang tidak menentu.

Ini bermakna, untuk mendapat ketenangan seorang muslim sewajarnya mempunyai sifat tawakal, sabar, syukur dan reda yang tinggi terhadap segala ketentuan Allah SWT terhadap mereka. Sifat-sifat inilah memberikan mereka kekuatan dan kecekalan ketika berhadapan dengan kesukaran dan ujian. Mereka yakin

bahawa ada hikmah dan rahmah di sebalik musibah yang dihadapi.

Sebaliknya, rasa syukur dan reda mengajar setiap muslim untuk berterima kasih dengan setiap nikmat dan pemberian. Rasa bertuah kerana dikurniakan dengan pelbagai bentuk kemudahan dan kesenangan. Rasa cukup dengan memiliki apa yang ada jika dibandingkan dengan orang lain. Rasa memadai dan reda dengan segala perkara yang berlaku sama ada baik atau buruk. Yakin bahawa semuanya telah ditentukan oleh Allah SWT yang maha kuasa dan bijaksana.

يا معاشر المسلمين رحمكم الله

Selain itu, al-Quran juga menyebutkan bahawa ketenangan dan kebahagiaan boleh dicapai dengan memperbanyakkan mengingati Allah SWT. Firman Allah SWT;

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ

Maksudnya: (Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan "zikrullah". Ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia. (Surah al-Ra'd, 13: 28)

Menerusi ayat ini, Allah SWT menjelaskan bahawa rasa tenang dan aman itu boleh dicapai dengan

cara memperbanyak mengingati Allah SWT atau *zikirullah*. Dalam hal ini, zikir boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu zikir umum dan khusus.

Zikir secara khusus adalah seperti takbir, tahmid, tasbih dan tahlil. Selain itu, berdoa, membaca al-Quran dan mengerjakan solat sama ada solat fardu atau sunat juga termasuk dalam ibadah zikir. Manakala zikir secara umum adalah semua hal yang termasuk dalam usaha mengingati Allah SWT secara umum seperti memikirkan keindahan alam yang dikaitkan dengan kebijaksanaan, kekuasaan dan kehebatan Allah SWT. Melalui proses refleksi diri ini, seseorang itu dapat merasakan keagungan dan kekuasaan Allah SWT, yang akhirnya menyebabkan rasa kerdil dan hina di hadapan Allah SWT. Firman Allah SWT;

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَامًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

Maksudnya: Orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab Neraka (Surah Ali Imran, 3: 191)

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah

Sebagai manusia, kita tidak dapat nafikan bahawa hidup kita berkaitan dengan orang lain iaitu keluarga, rakan taulan dan masyarakat sekeliling. Kita tidak akan mencapai kebahagiaan tanpa individu di sekeliling kita turut bahagia dengan kehadiran kita. Dalam hal ini kita tidak boleh merasa tamak untuk mengecapi bahagia secara sendirian. Islam juga mengajarkan kita untuk melakukan kebaikan dan menolak permusuhan serta kezaliman secara bersama-sama. Iman kita tidak dianggap sempurna jika membiarkan dan tidak peduli dengan orang di sekeliling kita.

Membantu orang lain dengan ikhlas melalui pelbagai cara merupakan salah satu jalan dalam mencari kebahagiaan. Menuturkan kata-kata yang baik dan berakhlak mula juga membawa kebahagiaan. Sebaliknya, akhlak buruk seperti menipu, menzalimi orang lain, bercakap kasar dan berperangai buruk adalah tanda-tanda jiwa kita tidak bahagia.

Oleh itu, marilah kita sama-sama menyebarkan kasih sayang kepada semua orang yang berada di sekeliling kita. Mudah-mudahan ia menjadi pemangkin untuk kita mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat yang abadi.

يا معاشر المسلمين رحمكم الله

Beberapa kesimpulan dapat dibuat iaitu;

1. Kebahagiaan dan ketenangan adalah berkaitan satu sama lain. Untuk mencapai kebahagiaan, kita perlu berusaha untuk mencari ketenangan terlebih dahulu.
2. Allah SWT adalah pemilik kepada ketenangan dan kebahagiaan. Lalu kita perlu berusaha bersungguh-sungguh meminta kedua-duanya daripada Allah SWT
3. Ada tiga perkara yang perlu dilakukan untuk mencapai ketenangan;
4. Minda kita perlu ditanamkan dengan sifat sabar, syukur, reda dan tawakal kepada Allah SWT.
5. Hati kita perlu selalu berzikir kepada Allah SWT secara umum dan khusus
6. Berusaha untuk penuhi harapan, impian dan cita-cita kita sendiri
7. Kebahagiaan boleh terhasil apabila orang di sekeliling turut merasai kebahagiaan yang kita bawa kepada mereka.
8. Kebahagiaan sebenarnya adalah kebahagiaan yang berasaskan kepada rohani, emosi dan minda, bukan bersifat material.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَّةُ (٢٧) أَرْجِعِي إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً
(٢٨) فَادْخُلِي فِي عِبَادِي (٢٩) وَأَدْخُلِي جَنَّتِي (٣٠)

Maksudnya: Wahai orang yang mempunyai jiwa yang sentiasa tenang tetap dengan kepercayaan dan bawaan baiknya! (27) Kembalilah kepada Tuhanmu dengan keadaan engkau berpuas hati (dengan segala nikmat yang diberikan) lagi direndah (di sisi Tuhanmu)! (28) Serta masuklah engkau dalam kumpulan hamba-hambaku yang berbahagia (29) Dan masuklah ke dalam SyurgaKu! (30) (Surah al-Fajr, 89: 27-30)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَنَعَىٰ وَإِيَّكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ يَا فَوْزَ
الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.

Tajuk 7: Lambaian Kaabah

Prof. Madya Dr. Aminuddin bin Ruskam

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ
أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ
فَلَا هَادِيَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَيْهِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ عِبَادَ اللَّهِ: اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا، يُصْلِحْ
لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ
فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا (الأحزاب: 70-71)

أَمَّا بَعْدُ، عِبَادَ اللَّهِ وَمَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ

Khutbah hari ini bertajuk Lambaian Kaabah. Bulan Zulhijjah merupakan bulan pemuafiran umat Islam dari segala penjuru dunia, dalam skala kecil dan besar, berbondong-bondong berangkat ke tanah suci untuk menunaikan ibadah Haji. Ia merupakan salah satu ibadah agung sebagai bukti ketaatan dan kepatuhan kepada perintah Allah Rabul

Alamin. Mereka menuju satu destinasi iaitu Haramain. Ia adalah dua tanah Haram yang terletak padanya Kaabah dan Masjid al-Haram di Makkah al-Mukarramah serta Masjid Nabawi di Madinah al-Munawwarah. Di dua tanah haram inilah mereka menghambakan diri untuk menegakkan amalan dan syiar yang agung serta manasik haji yang penuh keberkatan.

Ketahuiilah bahawa anda semua adalah tetamu Allah yang dimuliakan dengan gelaran Duyuf al-Rahman, yang terpilih pada tahun ini untuk menyahut panggilan Allah SWT. Mereka terpilih untuk mengunjungi dan memuliakan Baitullah serta daerah-daerah yang diberkati. Mereka diseru menghisab diri dan merenungi kembali prestasi amalan mereka, agar mereka mengerti makna kehidupan dan kepatuhan. Mereka diseru pada lapangan kebaikan yang meluas, mulia dan amat agung.

وَأَذِّنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَى كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِنْ كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٍ (الحج: 27)

Maksudnya: Dan berserulah kepada manusia untuk mengerjakan haji, niscaya mereka akan datang kepadamu dengan berjalan kaki, dan mengendarai unta yang kurus yang datang dari segenap penjuru yang jauh, supaya mereka menyaksikan berbagai manfaat bagi mereka. (Surah al-Hajj, 22: 27-28)

Beberapa hari dan minggu mendatang, bakal-bakal haji akan menanggalkan pakaian yang berjahit untuk bersihrâm kerana Allah. Air mata taubat bakal membasahi pipi saat berada di padang Arafah. Semua suara dengan berbagai bahasa menyuarakan dan mengakui ketergantungan mereka kepada Allah Azza wa Jalla. Semua manusia bergerak menuju Muzdalifah untuk bermalam, selanjutnya berangkat melempar jumrah dan tawaf di sekitar Ka'bah yang dimuliakan, lalu sa'i antara bukit Shafa dan Marwa.

Semua dilakukan dalam sebuah permusafiran yang sangat indah. Setelah itu, mereka mengunjungi Baitullah dan persekitaran bumi yang barakah dengan hati berbunga kerana senang dengan kurnia Allah Azza wa Jalla yang dianugerahkan kepadanya.

قُلْ بِفَضْلِ اللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِ فَبِذَلِكَ فَلْيَفْرَحُوا هُوَ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ

Maksudnya: "Katakanlah, "Dengan kurnia Allah dan rahmat-Nya; hendaklah dengan itu mereka bergembira. Kurnia dan rahmat-Nya itu adalah lebih baik dari apa yang mereka kumpulkan". (Surah Yunus 10:58).

Ibadah Haji merupakan satu kurniaan yang lebih baik daripada dunia beserta isinya. Dunia beserta isinya hanya bersifat sementara, ia akan pergi dan hilang; keindahan yang hanya sedikit dan mudah

luput. Kami ucapkan selamat kepada para jama'ah haji kerana haji mereka, dan kepada ahli ibadah kerana ibadah dan kesungguh-sungguhan mereka.

Kita ucapkan selamat bermusafir sebagaimana kata-kata ini dilafazkan oleh Rasulullah SAW kepada para sahabatnya.

إِذَا تَقَرَّبَ الْعَبْدُ إِلَيَّ شِبْرًا تَقَرَّبْتُ إِلَيْهِ ذِرَاعًا وَإِذَا تَقَرَّبَ مِنِّي ذِرَاعًا
تَقَرَّبْتُ مِنْهُ بَاعًا وَإِذَا أَتَانِي مَشِيًّا أَتَيْتُهُ هَرْوَلَةً

Maksudnya: "Jika seorang hamba mendekat kepada-Ku satu jengkal, maka Aku mendekat kepadanya satu hasta. Jika dia mendekat kepada-Ku satu hasta, Aku mendekat kepadanya sejauh dua rentangan tangan. Jika dia mendatangi-Ku dengan berjalan, maka Aku mendatangi dia dengan berlari kecil". (HR Imam al-Bukhâri, no. 7098)

Pujilah Allah SWT dan bersyukur kepadaNya atas nikmat yang diberikan kepada anda, niscaya kebaikan dan anugerah-Nya tidak akan terputus, serta kurnia-Nya akan lengkap dan sempurna.

وَمَا بِكُمْ مِنْ نِعْمَةٍ فَمِنَ اللَّهِ

Maksudnya: "Dan apa saja nikmat yang ada pada kamu, maka dari Allah-lah (datangnya)". (Surah an-Nahl 16:53).

عِبَادَ اللَّهِ وَمَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ

Ketahuiilah wahai tetamu Allah, ambillah pelajaran dari pantang larang ketika berhram haji.

الْحَجُّ أَشْهُرٌ مَّعْلُومَاتٌ فَمَنْ فَرَضَ فِيهِنَّ الْحَجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقَ
وَلَا جِدَالَ فِي الْحَجِّ وَمَا تَفَعَّلُوا مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمُهُ اللَّهُ وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ
خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى وَاتَّقُونِ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ

Maksudnya: "(Musim) haji adalah beberapa bulan yang diketahui, barangsiapa yang menetapkan niatnya dalam bulan itu akan mengerjakan haji, maka tidak boleh rafats, berbuat fasik dan berbantah-bantahan di dalam masa mengerjakan haji. Dan apa yang kamu kerjakan berupa kebaikan, niscaya Allah mengetahuinya. Berbekallah, dan sesungguhnya sebaik-baik bekal adalah takwa dan bertakwalah kepada-Ku hai orang-orang yang berakal." (Surah al-Baqarah, 2: 197).

Dalam ayat tersebut Allah menyatakan "tidak boleh rafas, berbuat fasik dan berbantah-bantahan di dalam masa mengerjakan haji". Allah memerintahkan untuk menahan dan menjauhkan

diri dari hal-hal yang dilarang. Manasik haji dan amalannya adalah instrument latihan, pendidikan untuk jiwa dan ruh para tetamu yang mendapat kemuliaan Allahu Azza wa Jalla.

Allah SWT mempertegaskan,

وَمَا تَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمُهُ اللَّهُ

Maksudnya: "Dan apa yang kamu kerjakan berupa kebaikan, niscaya Allah mengetahuinya". Kalimat ini adalah suntikan motivasi ruhiyyah yang diberikan Allah kepada para hamba-Nya untuk segera melaksanakan kebenaran, mengamalkan kebajikan dan melaksanakan ketaatan. (Surah al-Baqarah 2: 197)

Allah juga mewasiatkan,

وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى

Maksudnya: "Berbekallah, dan sesungguhnya sebaik-baik bekal adalah takwa". (Surah al-Baqarah 2: 197)

Di sini Allah memberitahu supaya setiap orang memiliki persiapan dan bekal untuk hari akhirat dengan bekal ketakwaan. Dengan cara menuruti panduan syariat tanpa menambah ataupun mengurang.

Dalam manasik Haji, di antara amalan yang diperintahkan dilakukan berulang kali ketika berada di tanah suci adalah mengucapkan kalimat talbiyah sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim,

لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ، لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ، إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ
وَالْمُلْكَ، لَا شَرِيكَ لَكَ

Maksudnya: "Aku penuhi panggilan-Mu ya Allah, aku penuhi panggilan-Mu. Aku penuhi panggilan-Mu ya Allah, tiada sekutu bagi-Mu, aku penuhi panggilan-Mu. Sesungguhnya segala puji, nikmat dan kerajaan hanyalah kepunyaan-Mu, tiada sekutu bagi-Mu". (HR. Muslim, no. 1184)

Kalimah ini merupakan pengagungan terhadap syiar-syiar Allah untuk membenarkan ketaatan kepada-Nya. Melazimkan diri dalam suasana ibadah dan amalan ketaatan diberikan keutamaan. Mereka diperintahkan untuk menjaga diri, memperbaiki diri terus-menerus, mengerjakan kewajiban, dan menjauhi larangan kerana dengan inilah predikat haji mabrur menjadi realiti. Tingkah laku mengakar kukuh dan bertambah lebih baik selepas menunaikan ibadah haji.

فَعَنْ أَبِي أُمَامَةَ الْبَاهِلِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ فِي حَجَّةِ الْوَدَاعِ ، اتَّقُوا اللَّهَ رَبَّكُمْ وَصَلُّوا خَمْسَكُمْ ، وَصُومُوا شَهْرَكُمْ ، وَأَدُّوا زَكَاةَ أَمْوَالِكُمْ ، وَأَطِيعُوا ذَا أَمْرِكُمْ تَدْخُلُوا جَنَّةَ رَبِّكُمْ .

Maksudnya: Dari Abu Umamah al-Bahili radhiallahu 'anhu, ia berkata, "Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, 'Bertakwalah kepada Allah Rabb mu. Tunaikanlah solat lima waktu, berpuasalah di bulan Ramadhan, tunaikan zakat, taatilah para pemimpinmu. Niscaya kamu akan masuk ke surga Rabbmu.'" (HR. Tarmizi, no. 616)

Ini adalah perkara-perkara perintah yang wajib ditaati dan diamalkan. Adapun hal-hal yang dilarang dan harus dijauhi disebutkan dalam hadis Salamah bin Qais al-Asyja'i radhiallahu 'anhu, ia berkata,

سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَخْطُبُ فِي النَّاسِ فِي حَجَّةِ الْوَدَاعِ فَقَالَ : أَلَا إِنَّمَا هُنَّ أَرْبَعٌ : أَنْ لَا تُشْرِكُوا بِاللَّهِ شَيْئًا ، وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ ، وَلَا تَزْنُوا ، وَلَا تَسْرِقُوا .

Maksudnya: "Aku mendengar Rasulullah SAW berkhotbah di haji al-wada', 'Empat larangan

itu adalah janganlah kalian menyekutukan Allah dengan sesuatu apapun, jangan membunuh jiwa yang diharamkan Allah kecuali dengan alasan yang dibenarkan, jangan berzina, dan jangan mencuri." (HR. Ahmad, no. 18511)

وَمَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ

Ketahuiilah bahwa tegahan dan larangan itu ada hikmahnya, Maka janganlah anda melanggarnya. Allah Azza wa Jalla berfirman

تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ فَلَا تَعْتَدُوهَا

Maksudnya: "Itulah hukum-hukum Allah, maka janganlah kamu melanggarnya". (Surah al-Baqarah,2:229).

Orang yang berihram untuk memenuhi panggilan Allah Azza wa Jalla, bagaimana mungkin setelah itu dia memenuhi ajakan atau seruan yang bertentangan dengan din (agama) Allah Azza wa Jalla.

Orang yang mengucapkan talbiyah dalam ibadah haji, bagaimana mungkin setelah itu dia tidak berhukum dengan syariat Allah Azza wa Jalla, atau Orang yang memenuhi panggilan Allah dalam ibadah haji, semestinya juga memenuhi panggilan-Nya setiap waktu dan di setiap tempat dengan cara menaati perintah-Nya, tidak ragu dan bimbang, tidak boleh dihalang-halangi. Dia hanya

mendengar dan taat kepada Allah serta tunduk kepada-Nya.

Istiqamah dan terus beramal, hindari ujub dan riya', Kadangkala perbuatan yang terlihat kecil boleh bernilai besar kerana niatnya, dan kadangkala perbuatan yang nampak besar besar bernilai kecil kerana niatnya. Sebagian ulama salaf berkata: "Barang siapa yang amalnya ingin disempurnakan, maka hendaklah ia perbaiki niatnya". Jadilah orang yang senantiasa khuwatir amalnya tidak diterima.

Diriwayatkan dari 'Aisyah Radhiyallahu anha, ia berkata: Aku bertanya kepada Rasulullah SAW tentang ayat 23 surah al-Mukminun

وَالَّذِينَ يُؤْتُونَ مَا آتَوْا وَقُلُوبُهُمْ وَجَلَةٌ

Maksudnya: Dan orang-orang yang memberikan apa yang telah mereka berikan, dengan hati yang takut. (Surah al-Mukminun 23: 60)

أَهُمَّ الَّذِينَ يَشْرَبُونَ الْخَمْرَ وَيَسْرِفُونَ قَالَ لَا يَا بِنْتَ الصِّدِّيقِ وَلَكِنَّهُمْ
الَّذِينَ يَصُومُونَ وَيُصَلُّونَ وَيَتَصَدَّقُونَ وَهُمْ يَخَافُونَ أَنْ لَا يُقْبَلَ مِنْهُمْ

Maksudnya: (Aisyah bertanya:) Apakah mereka ini orang-orang yang minum khamr dan mencuri? Rasulullah SAW menjawab: Bukan, wahai putri ash-Shiddiq, akan tetapi

mereka ini ialah orang-orang yang berpuasa, solat, bersedakah dan mereka khuwatir amalannya tidak diterima Allah Azza wa Jalla. (HR. Tarmizi, no. 3175)

أُولَئِكَ يُسَارِعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ

Maksudnya: Mereka itu bersegera untuk mendapat kebaikan-kebaikan (Surah al Mukminun, 23: 61)

Ketahulah bahawa Allah SWT hanya menerima amalan orang yang bertaqwa. Bertakwalah kepada Allah Azza wa Jalla setiap masa.

قَالَ إِنَّمَا يَتَقَبَّلُ اللَّهُ مِنَ الْمُتَّقِينَ

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah hanya menerima (qurban) dari orang-orang yang bertakwa". (Surah al-Mâidah, 5: 27).

Bertakwalah kepada Allah Azza wa Jalla, kerana takwa merupakan bekal terbaik, dan memberi pengaruh terbaik di akhirat kelak. Hendaklah kita menyadari, bahwa dunia ini sebagai tempat berlomba. Barang siapa yang cepat, dia dapat, yang terlambat maka ia akan rugi. Semoga Allah Azza wa Jalla memberikan rahmat kepada mereka yang membuat pemerhatian, lalu berfikir dan akhirnya mengambil pelajaran.

إِنَّ الْعَاقِبَةَ لِلْمُتَّقِينَ

Maksudnya: "Sesungguhnya kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertakwa". (Surah Hud, 11: 49).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوَزَ
الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.

Tajuk 8: Amalan Kebaikan Tanda Ketakwaan

Ustaz Mohd Firdaus bin Pazim

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَسَارِعُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا
السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ (١٣٣)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ
فَارَ الْمُتَّقُونَ.

وَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ

Maksud : "Wahai orang-orang yang beriman!
Bertakwalah kamu kepada Allah dengan
sebenar-benar takwa dan jangan sekali-kali

*kamu mati melainkan dalam keadaan Islam ".
(Surah ali-Imran, 3: 102)*

Sidang Hadirin yang dirahmati Allah,

Saya menyeru kepada tuan-tuan sekalian dan diri saya, marilah kita meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa dengan mematuhi segala titah perintahnya dan meninggalkan segala larangannya. Selain daripada itu, antara bekal yang terbaik bagi kehidupan di dunia dan akhirat adalah bertaqwa kepada Allah SWT. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah ayat 197:

"Dan apa jua kebaikan yang kamu kerjakan adalah diketahui oleh Allah; dan hendaklah kamu membawa bekal denganukupnya kerana sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah memelihara diri (dari keaiban meminta sedekah); dan bertaqwalah kepadaKu wahai orang-orang yang berakal (yang dapat memikir dan memahaminya). (Surah al-Baqarah, 2: 197)

Mudah-mudahan kita menjadi orang yang sentiasa mendapat rahmat dan keampunan daripada Allah SWT.

Sidang Jemaah Sekalian,

Firman Allah SWT dalam surah Ali-Imran ayat 133 bermaksud:

“Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu, dan (mendapat) Syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertaqwa”. (Surah Ali-Imran, 3: 133)

Para hadirin sekalian, menjadi golongan orang yang bertaqwa ini memerlukan pelaksanaan amalan yang baik dalam kehidupan seharian. Maka, bersegeralah melakukan kebaikan dengan ungkapan **“Fastabiqul Khairat”** dan Sentiasa istiqamah di atas landasan kebaikan dan tidak tergelincir ke jalan yang tidak baik. Andainya tersasar juga dengan sebab kelemahan dan kealpaan kita sebagai manusia, maka janganlah berputus asa untuk kembali kepada Allah SWT kerana Allah senantiasa menerima hambanya yang ingin kembali kepadanya dengan jalan taubat.

Firman Allah SWT dalam Surah Al Mutaffifin ayat 26:

خِتَامُهُ مِسْكٌ ۗ وَفِي ذَلِكَ فَلْيَتَنَافَسِ الْمُتَنَافِسُونَ

Maksudnya: Meterainya kasturi; - dan untuk (memperolehi nikmat kesenangan) itu hendaknya berlumba-lumba mereka yang ingin merebut kelebihan dan kesenangan. (Surah Al Mutaffifin, 83: 26)

Antara jalan untuk mendapatkan ketaqwaan ialah dengan berlumba-lumba melakukan kebaikan kerana sememangnya perintah Allah SWT. Tetapi jangan sampai hati kita dipengaruhi oleh godaan syaitan sehingga menyebabkan timbul perasaan riya`, Suma`ah, takabbur dan sombong kerana merasakan sudah banyak amalan. Harus diingatkan bahawa betapa banyaknya amalan baik yang dilakukan dengan hati yang tidak ikhlas maka boleh menyebabkan lebur dan lenyaplah semua pahala. bukankah ini suatu perkara yang amat merugikan?. Oleh itu, berhati-hatilah kita dalam melaksanakan amalan jangan sampai hilang sifat keikhlasan kepada Allah SWT. Allah SWT berfirman dalam surah Hud ayat 15 hingga 16:

مَنْ كَانَ يُرِيدُ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا وَزِينَتَهَا نُوفِّ إِلَيْهِمْ أَعْمَالَهُمْ فِيهَا وَهُمْ فِيهَا لَا يُبْخَسُونَ أُولَٰئِكَ الَّذِينَ لَيْسَ لَهُمْ فِي الْآخِرَةِ إِلَّا النَّارُ ۗ وَحِطَّ مَا صَنَعُوا فِيهَا وَبَاطِلٌ مَّا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksudnya: "Sesiapa yang keadaan usahanya semata-mata berkehendakkan kehidupan dunia dan perhiasannya (dengan tidak disaksikan sama oleh Al-Quran tentang sah batalnya), maka Kami akan sempurnakan hasil usaha mereka di dunia, dan mereka tidak dikurangkan sedikitpun padanya. Merekalah orang-orang yang tidak ada baginya pada hari akhirat kelak selain daripada azab neraka,

dan pada hari itu gugurlah apa yang mereka lakukan di dunia, dan batalah apa yang mereka telah kerjakan.” (Surah Hud 11: 15-16)

Para Jemaah yang dirahmati Allah SWT,

Bagi memupuk sifat ketaqwaan yang tinggi dalam diri adalah dengan cara bermujahadah melawan hawa nafsu yang seringkali mengajak manusia itu ke lembah kehinaan. Lapangkanlah masa kita untuk sentiasa berdamping dengan orang-orang yang baik dan seringkali menghadiri majlis ilmu bagi mendapatkan ilmu dan kelapangan hati dan fikiran. Semoga Allah sentiasa memandu hati kita untuk sentiasa melaksanakan amalan kebaikan dan menjauhi kemungkaran.

Antara amalan orang yang bertaqwa ialah :

1. Bersegera melakukan kebaikan
2. Menafkahkan hartanya ke jalan Allah baik diwaktu senang dan susah
3. Bersedekah dalam keadaan orang lain tidak mengetahui atau secara terang terangan
4. Mengawal kemarahan
5. Sentiasa memberi kemafaan sesama manusia
6. Sentiasa bersabar atas ujian yang Allah takdirkan.

Sidang hadir yang dirahmati Allah SWT,

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud;

Syurga itu dikelilingi oleh berbagai hal yang tidak disukai, sedangkan neraka itu dikelilingi oleh berbagai hal-hal yang disukai (kesayahwatan dan kesenangan). (HR Bukhari, no. 6122)

Oleh itu, sifat taqwalah yang sebenar-benarnya menunjukkan kepada kita berbagai-bagai amalan yang salih, sedangkan apa bila sifat taqwa itu dikesampingkan maka akan menumbuhkan berbagai macam kemaksiatan. Ingatlah bahawa setiap amalan manusia baik atau buruk semuanya pasti dicatat oleh malaikat yang telah ditugaskan untuk menjaga dan medampingi kita. Yang disebelah kanan malaikat Raqib yang ditugaskan untuk mencatat segala amalan kebaikan, manakala di sesbela kiri ialah malaikat `atid yang ditugaskan mencatat segala amalan yang buruk. Firman Allah SWT dalam surah Qaf ayat 18 :

مَا يَلْفُظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ

Maksudnya: Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada di sisinya

*malaikat pengawas yang sentiasa sedia
(menerima dan menuliskannya). (Surah Qaf 50: 18)*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَفَعَّلِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا
فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ
إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ
وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.

Tajuk 9: Mukjizat al-Quran Dalam Proses Penciptaan Manusia

Ustaz Mohamad Ariff Afdlin bin Faizan

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ سُلالَةٍ مِنْ طِينٍ (12) ثُمَّ
جَعَلْنَاهُ نُطْفَةً فِي قَرَارٍ مَكِينٍ (13) ثُمَّ خَلَقْنَا النُّطْفَةَ عَلَقَةً
فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مُضْغَةً فَخَلَقْنَا الْمُضْغَةَ عِظَامًا فَكَسَوْنَا
الْعِظَامَ لَحْمًا ثُمَّ أَنْشَأْنَاهُ خَلْقًا آخَرَ ۚ فَتَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ
الْخَالِقِينَ (14)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ
فَارَ الْمُتَّقُونَ.

وَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا
وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ (102)

Maksud : "Wahai orang-orang yang beriman!
Bertakwalah kamu kepada Allah dengan
sebenar-benar takwa dan jangan sekali-kali
kamu mati melainkan dalam keadaan Islam".
(Surah ali-Imran, 3: 102)

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ

Al-Quran merupakan sebuah kitab agung yang mengandung pelbagai kemukjizatan antaranya tentang penciptaan manusia. Menurut Dr. Salah Abd al-Fattah al-Khalidi di dalam bukunya yang bertajuk *I'jaz al-Quran al-Bayani wa Dalail Masdarih al-Rabbani* menyatakan bahawa i'jaz ialah ketidakmampuan orang-orang kafir untuk menentang al-Quran dan kegagalan mereka untuk mendatangkan seumpamanya walaupun mereka pakar dalam bidang bahasa dan sastera. Oleh itu, khutbah pada hari ini akan membicarakan berkenaan tajuk **Mukjizatnya al-Quran Dalam Proses Penciptaan Manusia.**

Saudara-saudaraku yang dihormati sekalian,

Berdasarkan ayat yang dibaca pada permulaan khutbah tadi yang bermaksud;

Maksudnya : "Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari sari pati daripada

tanah. Kemudian Kami jadikan 'pati' itu setitis air mani pada tempat yang kukuh. Kemudian Kami ciptakan daripada air mani itu menjadi sebuku darah beku, lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging, kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang, kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu, Kami bentuk ia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta. (Surah al-Mukminun: 12-14)

Melalui ayat ini, Allah SWT menjelaskan bahawa kita diciptakan melalui 7 peringkat sepertimana yang dinyatakan di dalam surah al-Mukminin ayat 12 hingga 14 yang dibacakan di awal khutbah tadi menunjukkan betapa tersusunnya dan kompleksnya proses penciptaan kita ini. **Proses pertama** yang dinyatakan di dalam ayat tersebut ialah Allah SWT menjadikan manusia daripada *sulalah* yang berasal daripada tanah. Kalimah *sulalah* ini boleh difahami dengan dua maksud.

1. Pati atau pilihan tertentu
2. Ikan yang panjang

Allah SWT menyatakan bahawa manusia terjadi daripada pilihan tertentu daripada tanah dan ia adalah bertepatan dengan bilangan unsur asas yang membentuk manusia iaitu oksigen 65%, karbon 18.5%, hidrogen 9.5%, nitrogen 3.3%, kalsium 1.5%, phosphorus 1.0%, potassium 0.4%, sulfur 0.3%,

sodium 0.2%, klorin 0.2% dan magnesium 0.1%. Peratusan ini boleh dilihat secara terperinci dalam carian berkenaan *Elemental Composition of Human Body*. Perkara ini adalah mukjizat yang membuktikan pernyataan al-Quran adalah benar dan selari dengan penemuan ilmu sains.

Muslimin yang dikasihi sekalian,

Peringkat kedua ialah berkait dengan ayat:

ثُمَّ جَعَلْنَا مِنْ نُطْفَةٍ فِي قَرَارٍ مَّكِينٍ

*Maksudnya: Kemudian Kami jadikan 'pati' itu setitis air mani pada tempat yang kukuh.
(Surah al-Mukminun, 23: 13)*

Allah SWT menyatakan bahawa bahan-bahan pilihan tertentu daripada tanah akan dijadikan sebagai nutfah. Nutfah bermaksud air yang sedikit yang menyamai setitik titisan air. Kajian sains mendapati bahawa seorang lelaki mengeluarkan di antara 250-500 juta ekor sperma sebagai benih bagi kesinambungan keturunan. Jika dibandingkan dengan keseluruhan air mani yang dihasilkan, kuantiti yang diperlukan untuk pembentukan anak adalah setitik sahaja atau kurang daripada setitik. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلِّ شَيْءٍ حَيٍّ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ

Maksudnya: ... dan Kami jadikan dari air, tiap-tiap benda yang hidup, maka mengapa mereka tidak mahu beriman? (Surah al-Anbiya', 21: 30)

Pada ayat ini juga turut menjelaskan kepada kita bahawa Allah SWT telah jadikan rahim ibu itu sebagai tempat tinggal yang kukuh selama tempoh 9 bulan 10 hari mengandungkan kita. Masha Allah!

Peringkat ketiga penciptaan manusia ialah

ثُمَّ خَلَقْنَا النُّطْفَةَ عَلَاقَةً

Maksudnya: Kemudian Kami ciptakan daripada air mani itu menjadi alaqah. (Surah al-Mukminun, 23: 14)

Ulama tafsir telah mendefinisikan *alaqah* kepada tiga maksud iaitu :

1. Sesuatu yang melekat atau tergantung. Ahli sains menemui bermula pada hari ke-14, janin manusia akan mula membentuk setelah berada 7 hari di dalam dinding rahim. Ia melekat pada kantung yang menjadi pembekal makanan utama sebelum mendapat bekalan makanan secara langsung melalui tali pusat.
2. Lintah. Saintis juga menemukan bahawa janin manusia akan menyerupai lintah

sewaktu proses perkembangan di antara hari ke-14 hingga hari ke-24.

3. Darah beku yang pekat. Ilmu sains menyatakan bermula hari ke-15, darah daripada ibu akan mula masuk ke dalam janin bagi pembentukan organ-organ asas. Proses keluar masuk darah tidak akan berlaku sehinggalah hari ke-20. Oleh itu, keadaan janin pada ketika itu adalah seperti himpunan darah yang pekat dan bertepatan dengan kalimah *alaqah*.

Tambahan lagi, menurut buku '*Human Development As Described in The Quran and Sunnah*' menyatakan bahawa peringkat *alaqah* berlaku di antara hari ke-14 hingga hari ke-24 kandungan.

Saudara sekalian,

Pada ayat فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مُضْغَةً menjelaskan **peringkat**

keempat proses penciptaan kita iaitu *Mughah*. Allah SWT menyatakan bahawa janin manusia yang bercirikan nutfah dengan segera diciptakan menjadi *mudghah*. Ahli tafsir menyatakan *Mudghah* ialah sesuatu yang dikunyah oleh gigi. Ahli sains telah menemui bahawa *somites* iaitu bongkah tulang belakang terbentuk pada hari yang ke-19 yang beransur-ansur menyerupai bekas gigitan.

Seterusnya, **peringkat kelima dan keenam** dihuraikan pada ayat:

فَخَلَقْنَا الْمُضْغَةَ عِظَامًا فَكَسَوْنَا الْعِظَامَ لَحْمًا

Maksudnya: lalu Kami jadikan mudghah itu menjadi beberapa tulang, lalu Kami balut tulang-tulang dengan daging. (Surah al-Mukminun, 23: 14)

Proses ini tidak mengambil masa yang lama. Pemerhatian yang dibuat oleh ahli sains telah menunjukkan bahawa pembentukan tulang dan daging yang membalutnya boleh dikatakan berlaku hampir serentak. Allah SWT menjelaskan pembalutan tulang dengan daging berlaku selepas pembentukan tulang walaupun kedua-duanya terbentuk serentak. Perkara tersebut adalah benar kerana walaupun tulang dan otot terbentuk serentak, pembalutan tulang-tulang dengan otot hanya akan berlaku selepas minggu ke-8.

Dan **peringkat yang terakhir** ialah pada ayat

ثُمَّ أَنْشَأْنَاهُ خَلْقًا آخَرَ

Maksudnya: Setelah itu Kami bentuk ia menjadi makhluk yang lain (sifat keadaannya). (Surah al-Mukminun, 23: 14)

Mengapa Allah SWT menyatakan makhluk yang lain? Hal ini kerana apabila kita lihat gambar janin manusia bermula hari pertama hingga hari ke-41, janin masih belum membentuk rupa manusia. Para

saintis menyatakan bahawa janin manusia tidak dapat dibezakan daripada janin haiwan-haiwan melainkan selepas peringkat fetus.

إخوان المسلمين رحمكم الله

Melihat kepada proses penciptaan kita yang telah disebutkan sebentar tadi, jelaslah bahawa al-Quran adalah mukjizat agung yang diberikan kepada Nabi Muhammad SAW. Pakar-pakar bahasa dan sasterawan Arab tidak mampu untuk mencabar dan mengalahkan bahasa yang digunakan di dalam al-Quran.

Seorang cendekiawan Inggeris bernama Marmaduke Pickthall dalam bukunya *The Meaning of Glorious Quran* pernah menyatakan bahawa al-Quran mempunyai simfoni yang tidak ada taranya di mana setiap nada-nadanya boleh mengerakkan manusia untuk menangis dan bersuka ria. Oleh itu, mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah sama-sama kita hayati pengajaran berikut:

1. Al-Quran merupakan sebuah kitab mukjizat yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad SAW bukan rekaan daripada Baginda SAW.
2. Kita diciptakan melalui 7 peringkat seperti yang telah dibincangkan sebentar tadi.
3. Kita ini diciptakan dalam keadaan yang sangat sempurna dan terperinci sehingga penggunaan kalimah di dalam al-Quran sentiasa menepati kaedah ilmu sains.

4. Proses penciptaan manusia juga merupakan bukti bahawasanya al-Quran telah mendahului ilmu sains.
5. Meyakinkan kepada umat Islam bahawa mereka tidak mampu mendatangkan walau satu ayat semisal al-Quran sekalipun mereka berbincang untuk mencipta satu ayat.
6. Akhirnya, al-Quran membuktikan kepada kita bahawa Allah SWT wujud dan berkuasa dalam mencipta sesuatu dengan teliti.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قُلْ لِّئِنِ اجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ عَلَىٰ أَنْ يَأْتُوا بِمِثْلِ هَذَا الْقُرْآنِ لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِ وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ظَهِيرًا (88)

Maksudnya: "Katakanlah wahai Muhammad! Sesungguhnya jika manusia dan jin berkumpul untuk membuat yang serupa al-Quran ini, nescaya mereka tidak akan dapat melakukan yang serupa dengannya, sekalipun sebahagian mereka menjadi pembantu sebahagian yang lain".

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَنَعَنِي وَإِيَّكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ

المُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فِيهَا فَوَزَّ
الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ الثَّائِبِينَ.

Tajuk 10: Darurat, Antara Masalah dan Mafsadah

Prof Madya Dr. Aminuddin bin Ruskam

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ
مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا
مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا
اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَتَبْلُومُ بِالْشَّرِّ— وَالْخَيْرِ فَنَنْتَهُ وَالْبَيْنَا
تُرْجَعُونَ (الأنبياء: ٣٥)
وَلَتَبْلُؤَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ
وَالْأَنْفُسِ وَالْثَّمَرَاتِ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ. (البقرة: ١٥٥)

أما بعد؛ فيا عباد الله، إتقوا الله، أوصيكم وإياي بتقوى
الله، فقد فاز المتقون.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT, sebagaimana yang kita maklum, kini kita telah berada dipertengahan bulan rabi'ul awwal, iaitu bulan maulidnya Baginda Nabi SAW. Namun di bulan yang mulia ini kita masih belum bebas dari wabak Covid 19, berlawan dan berperang dengan virus yang mengancam negara, ekonomi dan keselamatan nyawa manusia. Mengikut laporan World Health Organization (WHO), sehingga semalam Covid 19 telah menjangkiti 48.5 juta penduduk dunia, dengan jumlah kematian melebihi 1.2 juta dan telah menyerang 218 buah negara yang melibatkan 3,148 kematian sehari. Kerana itu sama-sama kita peringati firman Allah SWT.

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ ۗ وَنَبْلُوكُم بِالشَّرِّ وَالْخَيْرِ فِتْنَةً ۗ وَإِنَّا تُرْجِعُونَ

*Tiap-tiap diri akan merasai mati dan Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai ujian dan kepada Kamilah kamu semua akan dikembalikan.
(Surah al-Anbiya, 21:35)*

وَلْتَبْلُوكُم بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ
وَالنَّمَرَاتِ ۗ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ (البقرة: ١٥٥)

Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar. (al-Baqarah: 155)

مَعَايِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ

Kita menyadari bahawa serangan virus Covid 19 begitu menakutkan, ia bukan sekadar mengancam kehidupan manusia tetapi turut mengancam ekonomi dan keselamatan negara. Kerana itu beberapa negara telah mengisytiharkan darurat kecemasan kesihatan seperti Amerika Syarikat, Sepanyol, Kazakhstan, Thailand dan Indonesia.

Negara Jepun mengisytiharkan darurat selama enam bulan. Kini di seluruh negara itu telah terkumpul jangkitan wabak itu melebihi 1,000 kes di Tokyo sehingga menyebabkan kemelesetan ekonomi kepada negara Matahari Terbit ini. Perintah darurat turut membabitkan kota besar Tokyo dan bandar metropolitan lain termasuk Osaka.

Di negara jiran kita Indonesia, pihak berkuasa telah mewajibkan seluruh penduduk Jakarta yang mahu keluar rumah perlu mengenakan pelitup muka. Penggunaan pelitup muka ini merujuk kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang

mewajibkan mereka yang sakit mahupun sihat mengenakan pelitup muka.

Di Malaysia setakat ini telah ada usaha mengisytiharkan darurat kecemasan kesihatan, namun usaha tersebut ditangguhkan dengan mengambil kira kepentingan dan masalah umum. Keadaan negara masih terkawal, Kementerian Kesihatan Malaysia yang berada digaris hadapan masih mampu mengurus ancaman.

Populasi penduduk Malaysia berjumlah 33 juta, hingga semalam 5 November terdapat 36,434 kes jangkitan dengan jumlah kematian mencecah 277 kes. Jumlah ini menunjukkan kadar jangkitan virus sekitar 1.1 peratus sahaja. Data-data yang dikemukakan menunjukkan Malaysia antara negara paling rendah kadar jangkitan berbanding jumlah penduduknya.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) masih berfungsi dan kini telah memasuki fasa ketiga. Fasa pematuhan SOP dikawasan tumpuan ramai dipantau dan dikawal selia. Penjarakan sosial dipatuhi oleh majoriti awam dan pemakaian pelitup muka terus dikuatkuasakan. Walaupun ancaman Covid 19 tidak menunjukkan tanda-tanda penurunan yang ketara, namun keselamatan dan kesihatan awam masih terkawal.

مَعَايِشَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ

Bagaimana jika diisytiharkan darurat di negara kita Malaysia?

Darurat adalah keadaan mencemaskan yang biasanya berlaku secara tiba-tiba. Apabila darurat berlaku, segala undang-undang yang digubal dan dikuatkuasakan pada tempoh itu akan dilaksanakan tanpa perlu dibawa ke Parlimen untuk diluluskan.

Perisytiharan darurat yang dibuat mestilah di bawah kebenaran, atau diisytiharkan oleh Yang di-Pertua Agong (YDPA), iaitu Ketua Negara Malaysia seperti peruntukan dalam Perkara 150, bawah Perlembagaan Persekutuan.

Berdasarkan peruntukan ini, darurat perlu diisytiharkan jika baginda sebagai ketua negara setuju apabila terdapat situasi kecemasan yang mengganggu-gugat keselamatan, ekonomi dan ketenteraman awam.

Sebagai contoh jenayah dan pembunuhan berleluasa, rusuhan dimana-mana, demonstrasi besar berlaku di kota-kota utama dan perang saudara yang memangsakan orang awam, yang menyebabkan pihak berkuasa hilang kawalan. Begitu juga dengan bencana alam seperti fenomena gempa bumi, jerebu, banjir besar dan ancaman penyakit yang menggilgila.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ

Apakah kesannya jika darurat diisytiharkan?

Apabila darurat berlaku maka setiap arahan dikeluarkan pihak berkuasa terutamanya Majlis Keselamatan Negara (MKN) termasuk arahan berpindah dan arahan untuk menggunakan aset-aset yang lain, wajib dipatuhi.

Mengambil peristiwa yang pernah berlaku sebelum ini, contohnya ketika darurat jerebu, semua premis awam serta swasta termasuklah kilang, ladang dan kawasan pembinaan akan ditutup. Arahan penutupan itu tidak termasuk perkhidmatan air, elektrik, kesihatan, keselamatan, komunikasi, pengangkutan, kewangan serta pembekal bahan bakar.

Manakala ketika darurat bencana, antara langkah yang dilakukan ialah pengambilan tanah dan tempat-tempat persendirian seperti rumah atau bangunan untuk dijadikan pusat pemindahan atau bilik gerakan tanpa kerajaan membayar saguhati atau pampasan kepada pemilik tanah atau bangunan tersebut atau mengusir mana-mana pihak daripada premisnya untuk tujuan keselamatan dan sebagainya.

Selain itu, kerajaan persekutuan boleh mengambil alih semua hal pentadbiran dari kerajaan negeri atau agensi-agensi kerajaan. Pihak berkuasa juga boleh tahan orang tanpa bicara, dan juga menyasar sesiapa sahaja yang dikatakan boleh mengganggu-gugat keselamatan negara.

Bayangkan waktu ini sahaja sudah ada yang direman dan didenda kerana melanggar PKP dan gelang pink, bagaimana pula jika waktu darurat?

Jadi, tidak semudah itu untuk negara mengisytiharkan darurat kerana banyak faktor perlu diambil kira. Ia bukan sahaja akan menyebabkan suasana panik dan kelam kabut keterlaluan dalam negara kita, tetapi turut memberi kesan tidak baik dan negative kepada pelabur luar.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian, marilah kita menjadi warganegara yang bertanggungjawab. Jangan semudahnya membuat keputusan melalui jalan singkat. Ambillah jalan yang selamat. Memberi peringatan, nasihat dan menasihati antara kita, antara rakyat dan penguasa, kita laksana berada dalam satu bahtera, semua pihak harus bertanggungjawab, tidak boleh sama sekali ada pihak yang mengambil jalan singkat untuk berbuat kerosakan, yang mengakibatkan bahtera akan tenggelam dan musnah di laut dalam. Dalam hal nasihat menasihati Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ تَمِيمِ الدَّارِيِّ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : الدِّينُ
النَّصِيحَةُ قُلْنَا : لِمَنْ ؟ قَالَ : لِلَّهِ وَلِكِتَابِهِ وَلِرَسُولِهِ وَلِأُمَّةِ الْمُسْلِمِينَ
وَعَامَّتِهِمْ

Daripada Tamim al-Dari, bahawa Nabi SAW bersabda: Agama itu nasihat. Kami bertanya: Kepada siapa? Baginda bersabda: Kepada Allah, kepada kitabNya, kepada rasulNya, kepada para pemimpin kaum muslimin, dan kaum muslimin secara umum. (HR Muslim, no. 55)

Persoalannya adakah ketika darurat diistiharkan ia membawa masalah atau mafsadah. Kita ketahui bahawa kedatangan Syariah Islam adalah untuk memberikan “masalahah” dan menolak “mafsadah”. Secara mudahnya “masalahah” ialah segala kebaikan dan “mafsadah” pula ialah segala keburukan.

“Maslahah” dan “mafsadah” itu bukanlah ditentukan oleh akal manusia, tetapi ditentukan oleh syariah. Ini kerana pandangan akal manusia berbeza-beza. Mungkin sesuatu perkara dianggap “masalahah” oleh sebahagian manusia kerana ia memberikan kebaikan kepada mereka atau kelompok mereka, tetapi dianggap “mafsadah” oleh sebahagian yang lain, kerana mendatangkan keburukan kepada mereka.

Terdapat juga “masalahah” yang dianggap sebagai “mafsadah” kerana dorongan hawa nafsu dan kerakusan untuk berkuasa, begitulah sebaliknya, (“mafsadah” dianggap sebagai “masalahah”). Kerana inilah, akal dan juga keinginan nafsu manusia tidaklah boleh menjadi kayu pengukur

untuk menentukan “masalah” dan juga “mafsadah”. Hanya Syariah sahaja yang boleh menentukan “masalah” dan juga “mafsadah” kepada manusia, kerana ia datang daripada Tuhan Pencipta mereka.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ

“Maslahah” pada pandangan syariah ialah setiap perkara yang memenuhi tiga kriteria berikut:-

i- Ia termasuk dalam “Maqasid Syariah” atau “Tujuan Pensyariatan Syariah”.

“Tujuan Pensyariatan Syariah” untuk manusia terkandung dalam menjaga lima perkara, iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan (termasuk juga maruah) dan juga harta. Setiap perkara yang membawa kepada meneguhkan penjagaan terhadap lima perkara asas tadi dianggap sebagai “masalah” dan sebaliknya, setiap perkara yang meluputkan penjagaan terhadap lima perkara tersebut atau sebahagiannya dianggap sebagai “mafsadah”.

Penjagaan terhadap lima asas ini merupakan satu amanah yang sangat penting dalam Syariah Islam. Laksanakanlah hukuman secara adil. Siapapun yang bersalah tidak kira orang kecil ataupun orang besar, hukuman harus dilaksanakan secara adil. Ini kerana penjagaan terhadap amanah agama merupakan satu objektif untuk menghasilkan tujuan

terpenting manusia, iaitu pengabdian diri yang sebenarnya hanya kepada Allah SWT.

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu untuk menunaikan amanah kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila kalian menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkannya dengan adil. Sesungguhnya Allah memberikan pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.” (An-Nisa', 4: 58).

ii- Ia tidak bertentangan dengan al-Qur'an dan Sunnah Nabi SAW

Ini kerana semua nas al-Qur'an dan juga sunnah nabi SAW tidaklah datang melainkan untuk menghasilkan “masalahah”. Maka setiap perkara yang berlawanan dengan keduanya bukanlah “masalahah”, sebaliknya “mafsadah”. Oleh itu waspadalah kita , jangan sekali-kali kita khianati Allah dan RasulNya dan jangan khianati amanah yang berada dibahu kita.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمَانَاتِكُمْ وَأَنْفُسَكُمْ تَعْلَمُونَ

“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul (Muhammad) dan (juga) janganlah kamu mengkhianati amanat-amanat yang dipercayakan kepadamu, sedang kamu mengetahui.” (Surah al-Anfal, 8: 27).

iii- Ia tidaklah melupakan “masalah” yang lebih besar daripadanya.

Ini kerana tidak dinamakan masalah jika ia menghilangkan “masalah” lain yang lebih besar daripadanya. Inilah lima kriteria yang perlu ada pada sesuatu perkara sebelum ia dianggap sebagai “masalah” pada pandangan Syarak.

Pahala dan juga dosa pada pandangan Syariah adalah bergantung kepada sejauh mana “masalah” dan “mafsadah”nya. Setiap amalan yang membawa kepada “masalah” yang lebih besar, maka lebih besarlah pahalanya, sebaliknya amalan yang membawa kepada “mafsadah” yang lebih besar, maka lebih besarlah dosanya. Kerana inilah satu amalan yang sama yang menghasilkan natijah “masalah” atau “mafsadah” yang berbeza akan berbeza pada kadar pahala atau dosanya.

وَإِذَا مَسَّ الْإِنْسَانَ الضُّرُّ دَعَانَا لِجَنْبِهِ أَوْ قَاعِدًا أَوْ قَائِمًا

Dan apabila seseorang manusia ditimpa kesusahan, merayulah dia kepada Kami (dalam segala keadaan), sama ada dia

sedang berbaring atau duduk ataupun berdiri. (Surah Yunus, 10: 12)

Ayat ini memberitahu kita bahawa dalam menghadapi apa jua bentuk kesusahan hidup yang kita lalui, kita hendaklah berfikiran murni, mengkaji dan menilai apa-apa kelemahan dan kekurangan, membuat analisa, merancang tindakan, cuba mencari formula atau jalan keluar daripada masalah atau kemelut yang melanda, bertanya kepada mereka yang pakar dalam menentukan hala tuju dan matlamat yang jelas, dan paling penting hendaklah meletakkan kebergantungan kita kepada Allah SWT dengan bertawakal dan berserah diri sepenuh jiwa dan raga.

Kesusahan ini tidak mengenal sesiapa bahkan para Nabi dan Rasul juga mengalaminya. Contohnya, Nabi Ayub AS diuji dengan penyakit kulit, Nabi Yunus AS ditelan ikan Nun, Nabi Nuh AS yang belayar dalam bahteranya mengharungi banjir besar bersama kaumnya, Nabi Muhammad SAW dan para sahabat yang dianiaya, diseksa, dipulau, dicaci, dicerca, dilempar batu dan pelbagai lagi ujian berat yang ditanggung. Namun semua kesusahan ini sedikit pun tidak melunturkan iman dan taqwa mereka, bahkan semakin kuat dan sentiasa bergantung kepada Allah SWT.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَفَعَّلِي وَإِيَّكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ
الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّائِبِينَ.

Tajuk 11: Jutawan Akhirat

Ustaz Mohamad Ariff Afdlin bin Faizan

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ
أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَىٰ تِجَارَةٍ تُنْجِيكُمْ مِنْ
عَذَابٍ أَلِيمٍ (10)

Maksudnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Mahukah Aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya? (Surah al-Saff: 10)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ
فَارَ الْمُتَّقُونَ.

وَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا
وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ (102)

Maksud : "Wahai orang-orang yang beriman!
Bertakwalah kamu kepada Allah dengan
sebenar-benar takwa dan jangan sekali-kali
kamu mati melainkan dalam keadaan Islam ".
(Surah ali-Imran, 3 : 102)

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan sekali lagi kepada diri saya dan saudara-saudara sekalian, marilah sama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan dengan sepenuh hati perintah Allah SWT, serta berusaha dengan sedaya upaya menjauhi perkara yang dilarang oleh Allah SWT, mudah-mudahan dengan usaha ini, akan memasukkan kita ke dalam syurga Allah SWT.

Sebagai manusia pasti dan pasti kita ingin menjadi jutawan. Tetapi definisi jutawan yang sebenar di dalam Islam bukanlah diukur di dunia sahaja, tetapi jutawan yang sebenar adalah mereka yang berjaya di negeri akhirat nanti. Oleh itu, pada hari yang mulia ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk, "Jutawan Akhirat".

Sidang Jumaat yang dikasihi sekalian,

Marilah kita kembali merenung dan menghayati sirah Rasulullah SAW dan para sahabat baginda, dalam memperkasakan agama Islam dengan cara berwakaf. Di sini, khatib membawakan beberapa kisah yang boleh kita jadikan sebagai contoh tauladan untuk menjadi seorang jutawan di akhirat. Kisah pertama, yang diriwayatkan oleh Ibnu Hisyam di dalam kitab *al-Sirah al-Nabawiyah*, bahawa Rasulullah SAW telah membeli sebidang tanah daripada 2 saudara yatim golongan Anshar, iaitu *Sahl* dan *Suhail* dengan harga 10 dirham, kemudian Bagindalah orang pertama yang mewakafkan tanah tersebut bagi pembinaan Masjid al-Nabawi. Malahan kisah ini diikuti oleh para sahabat besar seperti Saidina Abu Bakar al-Siddiq yang mewakafkan dinar emas untuk pembinaan dan pembesaran Masjid al-Nabawi pada tahun 622 Masihi.

Selain itu, disebut juga di dalam kitab *Taisir al-Karim al-Mannan fi Sirah Uthman ibn Affan* yang dikarang oleh Dr. Ali Muhammad al-Shallabi tentang kedermawanan Saidina Uthman bin Affan yang telah membeli sebuah perigi milik salah seorang Yahudi dengan harga 20 ribu dirham kemudian mewakafkannya kepada kaum muslimin. Beliau juga telah membeli tanah untuk perluasan Masjid al-Nabawi dengan harga 25 ribu dirham dan saat Peperangan Tabuk pada tahun 9 Hijrah, beliau telah mewakafkan 940 ekor unta, 60 ekor kuda dan 10 ribu dinar untuk kelengkapan perang tersebut.

Malahan ketika Rasulullah SAW naik ke mimbar menyeru para sahabat untuk menginfakkan harta mereka, Saidina Uthman pantas menyahut : "*Aku akan berikan 100 ekor unta, lengkap dengan segala barangan di atasnya*". Rasulullah SAW gembira dengan janji Uthman. Baginda turun satu anak tangga. Tetapi masih mengulang gesaan untuk berinfaq. Saidina Uthman sekali lagi menyahut, "*Aku akan berikan lagi 100 ekor unta, lengkap dengan segala barangan di atasnya*". Wajah Rasulullah SAW menampakkan kegembiraannya. Baginda turun satu lagi anak tangga dan masih terus menyeru dan Saidina Uthman sekali lagi bangun dan berkata, "*Aku akan berikan tambahan 100 ekor unta, lengkap dengan segala barangan di atasnya*". Saat itu, Rasulullah SAW terus bersabda, "Tiada lagi apa-apa mudarat bagi Uthman, walau apa pun yang dia lakukan selepas hari ini".

مشاء الله تبارك الله

Begitulah keadaan Rasulullah SAW dan para sahabat baginda, berlumba-lumba untuk mewakafkan harta mereka ke jalan Allah SWT, semata-mata untuk menjadi jutawan di akhirat.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 261 :

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ
سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ
وَاسِعٌ عَلِيمٌ (261)

Maksudnya : "Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas kurnia-Nya, lagi Meliputi ilmu pengetahuan-Nya". (Surah al-Baqarah, 2: 261)

Jelas pada ayat ini menunjukkan bahawa apa yang kita sumbangkan kepada agama Islam akan digandakan walaupun dengan jumlah yang sedikit. Khatib ingin mengajak para jemaah untuk menghitung seringgit yang kita wakafkan pada hari ini dengan niat yang ikhlas kerana Allah SWT, maka ia akan digandakan dengan menjadi tujuh ringgit kemudian digandakan lagi menjadi tujuh ratus ringgit dan akan terus bertambah dan bertambah. Bukankah ia suatu perniagaan yang menguntungkan? Subhanallah!

**Sidang jemaah yang dimulikan oleh Allah SWT
sekalian,**

Tidak kurangnya pada zaman ini, ramai juga individu yang mewakafkan harta mereka untuk kehidupan akhirat. Sebagai contoh, Sulaiman Abdul Aziz al-Rajhi, pengasas perbankan al-Rajhi, yang telah mewakafkan kebun kurma miliknya yang direkodkan dalam *World Book Record* sebagai kebun yang terbesar di dunia pada tahun 2011. Kini, ladang yang luas dan subur ini telah diwakafkan kepada sebuah Yayasan al-Khairiyyah. Setiap kali tibanya Ramadan, buah-buah kurma dari ladang ini akan dibawa ke Masjidil Haram dan Masjid al-Nabawi untuk jamuan para jemaah. Subhanallah!.

Selain itu, di negara kita juga ramai yang telah mewakafkan harta mereka seperti pembinaan 2 buah masjid iaitu Masjid Putih di Seremban 2 dan Masjid Sri Sendayan, Negeri Sembilan adalah hasil wakaf daripada pengasas syarikat perbankan kumpulan RHB. MashaAllah! Inilah satu usaha yang kita boleh teladani dan contohi untuk menjadi jutawan akhirat.

Namun, untuk kita yang tidak mempunyai kemampuan yang banyak untuk berwakaf, janganlah kita risau dan sedih, berilah apa yang termampu yang kita ada kerana pemberian yang sedikit tetapi ikhlas merupakan tindakan yang terbaik, berpandukan hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan di dalam kitab Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim :

اتَّقُوا النَّارَ وَلَوْ بِشِقِّ تَمْرَةٍ

Maksudnya : "Jagalah diri kalian daripada api neraka, meskipun hanya dengan bersedekah sepotong kurma". (HR Bukhari, no. 1349; Muslim, no. 1016)

Oleh itu, kita perlu sedar bahawa harta yang kita miliki bukanlah hak mutlak kita, tetapi ia merupakan pinjaman yang bersifat sementara daripada Allah SWT. Allah Maha Berkuasa untuk memberi dan mengambil semula, melalui pelbagai cara tanpa diduga. Berwaspadalah kita dalam membelanjakan harta dan menjaga amanah Allah SWT dengan sebaik mungkin. Setiap apa yang kita miliki, akan dipersoalkan di hadapan Allah SWT nanti. Sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abi Barzah al-Aslami RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :

"Kedua-dua kaki tidak akan berganjak sedikit pun pada hari kiamat sehingga ditanya tentang 4 perkara iaitu tentang umur, bagaimana ia dihabiskan?, tentang masa muda ke mana dia pergunakan?, tentang hartanya dari mana diperolehi dan bagaimana dibelanjakan? dan tentang ilmunya, apakah yang di buat dengannya?". (HR al-Tarmizi, no. 2341)

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ

Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin mengucapkan jutaan tahniah dan terima kasih kepada pewakaf-pewakaf yang telah mewakafkan harta kepada Universiti Teknologi Malaysia ini amnya dan kepada Masjid Sultan Ismail khususnya. Alhamdulillah, dengan usaha para jemaah sekalian, kita dapat merasa nikmat solat di atas karpet baru, kita dapat rasa angin yang sejuk daripada kipas besar yang berada di atas tuan-tuan, kita juga dapat melihat beberapa kerja-kerja penambah baikkan yang sedang dilaksanakan di sekitar masjid kita ini. Alhamdulillah! Alhamdulillah! Alhamdulillah! Semoga pahala wakaf tuan-tuan akan terus mengalir sehingga hari kita bertemu Allah SWT nanti, InshaAllah. Oleh itu, marilah kita hayati beberapa pengajaran, di antaranya:

1. Kita hendaklah meyakini bahawa amalan berwakaf akan menambahkan lagi rezeki kita.
2. Kita juga hendaklah menghayati sirah Nabi Muhammad SAW dan para sahabat yang bersungguh-sungguh mewakafkan harta mereka agar ia dapat memberi suntikan motivasi kepada kita untuk terus berwakaf.
3. Kita hendaklah berusaha dan berdoa supaya Allah SWT mengurniakan kita rezeki yang luas untuk berwakaf kerana ia merupakan saham dan pelaburan yang tidak akan rugi.
4. Akhirnya, marilah kita berlumba-lumbalah menjadi jutawan akhirat dan tanamkanlah

semangat untuk mewakafkan kehidupan kita untuk agama Allah SWT.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَأَنْفِقُوا مِنْ مَا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَّ أَحَدَكُمْ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ
لَوْلَا أَخَّرْتَنِي إِلَىٰ أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَّدَّقَ وَأَكُنُ مِنَ الصَّالِحِينَ (10)

Maksudnya : "Nafkahkanlah (dengan mendermakan) sebahagian daripada rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang daripada kamu sampai ajal maut kepadanya, (kalau tidak) maka ia akan merayu sambil berkata, 'Wahai Tuhanku! Alangkah baiknya Engkau lewatkan kedatangan ajal ku ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi di kalangan orang-orang yang soleh". (Surah al-Munafiqun: 10)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَفَعَّلِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ
الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.

Tajuk 12: Kedahsyatan Hari Kiamat

Ustaz Mahyudin bin Md Sarip & Ustaz Mohd Firdaus
bin Pazim

Firman Allah SWT

يَسْأَلُونَكَ عَنِ السَّاعَةِ أَيَّانَ مُرْسَاهَا قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ رَبِّي لَا يُجِيبُنَا لَوْفَتِهَا إِلَّا هُوَ ثَقُلَتْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا تَأْتِيكُمْ إِلَّا بَغْتَةً يَسْأَلُونَكَ كَأَنَّكَ حَفِيٌّ عَنْهَا قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ اللَّهِ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya: "Mereka bertanya kepadaMu (Nabi Muhammad) tentang Hari Kiamat bilakah akan terjadinya? Maka Katakanlah wahai Muhammad: Sesungguhnya pengetahuan tentang kiamat itu adalah di sisi Tuhanku (Allah) tiada seorang pun yang dapat menjalankan waktu kedatangannya selain Dia. Kiamat itu amat berat (huru-hara ke atas makhluk) yang di langit dan di bumi. Kiamat itu tidak akan datang kepadamu melainkan dengan tiba-tiba. Mereka bertanya kepadamu seakan akan kamu benar-benar mengetahuinya. Katakanlah wahai Muhammad sesungguhnya pengetahuan tentang hari Kiamat itu adalah di sisi Allah. Akan tetapi ramai di kalangan manusia yang tidak mengetahuinya." (Surah Al A'raf Ayat 187)

Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,

Sesungguhnya setiap yang hidup pasti akan mati. Setiap yang bermula pasti akan ada akhirnya. Setiap makhluk pasti akan binasa. Dari sekecil-kecil makhluk seperti virus dan bakteria sehinggalah sehalus-halusnya DNA manusia pasti akan binasa. Sehinggalah juga sebesar-besar makhluk yang terdiri daripada planet-planet, sistem suria, galaksi-galaksi sehinggalah seluruh alam maya cakerawala ini juga akan binasa. Sehinggalah daripada makhluk-makhluk yang tidak dapat dilihat seperti Malaikat, Jin dan Syaitan juga akan dimatikan oleh Allah semuanya.

Semua makhluk akan menemui penghujungnya. Penghujung inilah yang dinamakan Hari Kiamat. Setiap makhluk yang Allah ciptakan tidak akan terlepas daripada Hari Kiamat kecuali bebarapa makluk yang Allah izinkan selamat antaranya syurga, neraka, ruh dan titian sirat.

Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,

Hari Kiamat merupakan hari penghabisan bagi semua makhluk. Ia juga dikenali sebagai hari yang tiada lagi tarikh. Hari yang tiada lagi sejarah. Hari yang tidak terikat dengan zon waktu dan masa. Hari yang tiada lagi boleh diukur tempoh dan saat.

Hari Kiamat dari segi bahasa Arab adalah datang dari perkataan "Qiyam" yang bermaksud Bangkit atau bangun. Manakala perkaan "yaum"

bermaksud dari segi bahasa adalah hari. Ini yang disepakati ulamak bahasa Arab dalam menterjemahkan tentang “Yaum Al-Qiyamah” antaranya ibn Manzur di dalam kamusnya yang terkenal iaitu Lisan Al Arab. Maka Yaum Al Qiyamah itu bermaksud “Hari Kebangkitan”

Hari Kebangkitan itu dijelaskan lagi dari segi istilahnya adalah Hari di mana manusia dan semua makhluk akan di matikan dan dihancurkan oleh Allah azza wajalla kemudiannya dibangkitkan kembali (dihidupkan kembali) dan di bawa ke Padang Mahsyar untuk di adili.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah.

Sesungguhnya kita sebagai orang muslim dan mukmin wajib beriman dengan Hari Kiamat. Beriman dengan Hari Kiamat merupakan salah satu rukun dalam Rukun Iman. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim telah disabdakan oleh baginda Rasulullah SAW di dalam hadis yang terkenal tentang Islam, Iman dan Ihsan :

قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِيمَانِ قَالَ: أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَتُؤْمِنَ بِالْقَدَرِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ. قَالَ صَدَقْتَ

Maksudnya: “Wahai Muhammad Khabarkan kepadaku tentang Iman. Maka Rasulullah Menjawab: Iman itu adalah beriman Kepada Allah, beriman kepada malaikat-malaikatnya, beriman dengan Rasul-Rasul, beriman dengan

kitab-kitabnya, beriman dengan Hari Akhirat (Hari Kiamat) dan beriman dengan Qada dan Qadar samada baik atau pun buruk.” (HR Muslim, no 8)

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Hari Kiamat juga datang dengan beberapa nama yang membawa maksud juga tentang Hari Kiamat antaranya:

1. Yaum Al Qiyamah - Hari Kebangkitan
2. Yaum Al Akhirah - Hari Penghabisan
3. Yaum AL Mahsyar - Hari dikumpulkan manusia di Mahsyar
4. Yaum Al Sa'ah - Hari detik-detik yang dinantikan
5. Yaum AL Azab - Hari yang ditimpa Azab
6. Yaum Al Waii'd - Hari yang dijanjikan
7. Yaum Al Zalzalah - Hari yang di gegarkan
8. Yaum Al Baa'th - Hari kebangkitan
9. Yaum Al Hisab - Hari Perhitungan
10. Yaum Ad Din - Hari Pembalasan
11. Yaum AL Hasrah - Hari Penyesalan
12. Yaum Al Khulud - Hari yang kekal
13. Yaum Al Khuruj - Hari yang dikeluarkan manusia dan jin dari kuburan
14. Yaum Al Qaria'h - Hari yang di ketuk dan dipukul
15. Yaum Al Haqqah - Hari yang benar
16. Yaum Al Waqia'h - Hari Kiamat
17. Yaum Al Qarar - Hari yang ditentukan

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Allah SWT mengingatkan tentang kedahsyatan Hari Kiamat antaranya, apabila Bumi digoncangkan dengan guncangan yang sangat dahsyat. Dan Bumi yang mengeluarkan beban-beban yang berat (semua yang ada di dalam bumi). Nescaya manusia bertanya . Mengapa bumi terjadi begini? Pada hari itu bumi menceritakan beritanya kerana sesungguhnya Tuhanmu telah memerintahkan yang demikian itu kepada hambanya.

إِذَا زُلْزِلَتِ الْأَرْضُ زِلْزَالَهَا (١) وَأَخْرَجَتِ الْأَرْضُ أَثْقَالَهَا (٢) وَقَالَ
الْإِنْسَانُ مَا لَهَا (٣) يَوْمَئِذٍ تُحَدِّثُ أَخْبَارَهَا (٤) بِأَنَّ رَبَّكَ أَوْحَىٰ لَهَا
(٥) يَوْمَئِذٍ يَصْدُرُ النَّاسُ أَشْتَاتًا لِّيُرَوْا أَعْمَالَهُمْ (٦) فَمَنْ يَعْمَلْ
مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ (٧) وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ (٨)

“Apabila bumi digegarkan dengan gegaran yang sedahsyat-dahsyatnya, (1) Serta bumi itu mengeluarkan segala isinya, (2) Dan berkatalah manusia (dengan perasaan gerun): Apa yang sudah terjadi kepada bumi? (3) Pada hari itu bumi pun menceritakan khabar beritanya: (4) Bahawa Tuhanmu telah memerintahnya (berlaku demikian). (5) Pada hari itu manusia akan keluar berselerak (dari kubur masing-masing) untuk diperlihatkan kepada mereka (balasan) amal-amal mereka. (6) Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat

amalnya)! (7) Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalannya)! (8) (Surah al-Zalzalah, 99: 1-8)

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Surah Al-Zalzalah ini menceritakan akan kedahsyatan Hari Kiamat. Dan nama Surah ini juga adalah salah satu antara nama-nama Hari Kiamat iaitu "Yaumu al-Zalzalah" yang membawa maksud Hari yang menggegarkan. Pada ketika itu bumi yang besar ini akan memuntahkan segala isinya. Gunung-ganang dan bukit-bukau yang kuat akan pecah, hancur lebur seterusnya musnah. Bahkan gunung-ganang akan berterbangan kerana impak kekuatan Hari Kiamat. Lautan yang luas lagi dalam akan menghempas-hempas, berpusing-pusing dan menyatu dengan daratan dan akhirnya juga akan dimusnahkan. Di mana manusia ketika itu?

Bayangkanlah, perbandingan saiz manusia dengan lautan dan gunung-ganang. Sehebat manapun manusia, sehebat manapun teknologi yang ada. Masih sangat jauh dengan kekuatan yang ada pada lautan, gunung-ganang dan bukit-bukau. Betapa kerdilnya kita manusia, betapa lemahnya kita manusia, betapa tiada dayanya kita manusia. Alangkan Lautan, gunung-ganang dan bukit-bukau yang perkasa ini juga mudahnya Allah musnahkan. Apalah sangat makhluk lemah yang namanya manusia. Justeru itu, sidang Jumaat sekalian janganlah kita menjadi manusia yang sombong,

takabbur dan lupa diri kerana Allah hanya mengutuskan makhluknya yang bernama Covid 19 sehalus-halus makhluk kepada manusia namun manusia sudah tiada daya untuk menghadapinya. Allahu Akbar, sesungguhnya Allah itu Maha Besar wahai sidang hadirin sekalian. Ini dikuatkan lagi dengan Firman Allah SWT dalam surat Al-Qariah ayat 4 hingga 5.

يَوْمَ يَكُونُ النَّاسُ كَالْفَرَاشِ الْمَبْثُوثِ وَتَكُونُ الْجِبَالُ كَالْعِهْنِ
الْمَنْفُوشِ

Maksudnya: "Pada hari itu manusia adalah seperti anai anai yang berterbangan dan bertebaran dan gunung ganang adalah seperti bulu bulu yang dihemburkan." (Surah al-Qariah 101: 4-5)

Daripada firman Allah SWT ini menunjukkan Hari Kiamat itu sangat mengerikan, sangat menakutkan, sangat menyeramkan bahkan manusia tidak mampu menggambarkan bagaimana kedahsyatan Hari Kiamat itu nanti.

Allah berfirman lagi di dalam surah An-Naml.

وَيَوْمَ يُنْفَخُ فِي الصُّورِ فَنَزَعَ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ إِلَّا
مَنْ شَاءَ اللَّهُ ۗ وَكُلُّ أَتَوْهُ دَاخِرِينَ

Maksudnya : "Dan Ingatlah pada hari ditiupnya sangkakala, lalu terkejut dan terpaku kerana gerun gementar semua makhluk makhluk yang ada di langit dan yang ada di bumi , kecuali yang mereka dikehendaki oleh Allah kesemuanya itu datang kepadaNya dengan keadaan patuh dan tunduk." (Surah al-Naml, 27: 87)

Perkataan Ass Sur yang disebutkan di dalam ayat di atas telah di berikan penjelasannya melalui hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Amr, sabda Rasulullah SAW;

قال أعرابي: يا رسول الله ما الصور؟ قال: " قرن ينفخ فيه

Maksudnya: Telah datang seorang Badwi kepada Nabi SAW, lalu bertanya. Apakah As Sur itu ya Rasulullah. Baginda menjawab "As Sur itu sepeeti tanduk yang digunakan untuk meniup" (HR Tirmizi, no. 3244)

Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,

Firman Allah SWT lg di dalam surah AL Hajj ayat 1-2

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ إِنَّ زَلْزَلَةَ السَّاعَةِ شَيْءٌ عَظِيمٌ (١) يَوْمَ تَرُؤْنَهَا تَذْهَلُ كُلُّ مُرْضِعَةٍ عَمَّا أَرْضَعَتْ وَتَضَعُ كُلُّ ذَاتِ حَمَلٍ حَمْلَهَا

وَتَرَى النَّاسَ سُكَارَىٰ وَمَا هُمْ بِسُكَارَىٰ وَلَٰكِنَّ عَذَابَ اللَّهِ شَدِيدٌ
(٢)

Maksudnya: Wahai manusia bertakwalah kamu kepada tuhanmu (Allah). Sesungguhnya gegaran dan guncangan Hari Kiamat itu adalah suatu kejadian yang sangat besar dan dahsyat. Ingatlah pada hari ketika itu kamu melihat kedahsyatan itu, semua wanita yang sedang menyusui anaknya akan sanggup melepaskan anaknya (Untuk melarikan diri). Dan semua wanita yang hamil akan keguguran kerana takutnya melihat keadaan hari kiamat itu nanti. Dan kamu akan melihat manusia dalam keadaan mabuk, padahal sebenarnya mereka tidak mabuk. Akan tetapi azab Allah itu sangat keras dan dahsyat" (Surah al-Hajj 22: 1-2)

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Justeru itu, marilah kita sama-sama kembali kepada Allah. Ayuhlah kita bertaubat kepadaNya. Selagi kita masih bernafas ketika ada kesempatan ayuhlah kita kembali kepada Allah sebelum kiamat kecil menjemput kita iaitu kematian. Dan Kiamat besar adalah kematian berlaku kepada semua makhluk yang berlaku di hari terakhir nanti.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَفَعَّلِي وَإِيَّكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ
الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّائِبِينَ.

Tajuk 13: Al-Quran Sebagai Panduan Hidup

Panji Alam bin Mazhisham

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ
وَيَبِّئْتِ مِنَ الْهُدَى وَالْفُرْقَانِ

أشهد أن لا إله إلا الله وأشهد أن محمدا عبده ورسوله.

اللهم صل وسلم على محمد وعلى آله وأصحابه أجمعين.

أما بعد، فيا عباد الله، اتقوا الله، اوصيكم وإياي بتقوى الله فقد فاز
المتقون.

قال الله تعالى في كتابه العزيز،

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ

فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا*

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (Al Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik kesudahannya”. (Surah al-Nisa', 59)

Muslimin Yang Dirahmati Allah,

Di kesempatan berada pada bulan Ramadhan yang berkat ini, saya berpesan kepada tuan-tuan dan diri saya sendiri, marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan memperkukuhkan pengabdian diri kita kepada-Nya, dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan Ramadhan kali ini menjadikan kita insan yang berjaya di dunia dan akhirat. Tajuk mimbar Jumaat pada hari ialah “AL-QURAN SEBAGAI PANDUAN HIDUP”.

Tarikh 17 Ramadhan merupakan tarikh keramat yang pernah menyaksikan turunnya wahyu pertama, kepada Nabi Muhammad SAW ketika sedang bersendirian, munajat kepada Allah di Gua Hira'. Penurunan wahyu ini, sebagai tanda pengiktirafan Nabi Muhammad SAW sebagai rasul, yang akan mengembangkan dakwah Islam ke seluruh alam. Al-Quran merupakan mukjizat

terbesar Nabi Muhammad SAW, yang kekal hingga hari qiamat. Ia memperlihatkan kehebatan Nabi Muhammad SAW, yang terkenal sebagai seorang ummi, tidak tahu membaca dan menulis, tetapi mampu mengingat al-Quran dengan baik setiap kali ia diturunkan.

Tidak tahu membaca dan menulis yang ada pada Nabi Muhammad SAW, bukanlah untuk melemah atau merendahkan martabat Nabi, sebaliknya suatu bukti jelas, betapa al-Quran bukannya kitab rekaan atau hasil penulisan nabi sendiri sebagaimana yang didakwa oleh penentangannya. Mukjizat Al-Quran adalah lebih terserlah kehebatannya, apabila umat Islam selalu membacanya, dan menjadikannya sebagai rujukan utama dalam kehidupan seharian. Mereka yang menjadikan al-Quran sebagai bacaan utama setiap masa, akan dijanjikan ganjaran pahala oleh Allah SWT. Setiap huruf yang dibaca akan dikira sebagai sepuluh pahala sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

من قرأ حرفاً من كتابِ اللهِ فله به حسنةٌ، والحسنةُ بعشرِ أمثالِها
لا أقولُ (الـم) حرفٌ ولكنْ (ألِف) حرفٌ و(لامٌ) حرفٌ و(ميمٌ)
حرفٌ

Bermaksud: "Sesiapa yang membaca satu huruf dari al-Quran, maka bagi-nya diberi sepuluh pahala dan ditambah sepuluh lagi

kebajikan seumpamanya, tidak aku katakan (alif, lam, mim) itu satu huruf, akan tetapi alif satu huruf dan lam satu huruf dan mim satu huruf.” (HR Tirmizi, no. 2910)

Sebagai umat Islam, semestinya hubungan kita dengan Al-Quran adalah ibarat isi dengan kuku. Ia cukup erat sehingga tidak boleh terpisah-pisah. Tambahan pula dengan wujudnya kecanggihan teknologi masa kini, sepatutnya tiada lagi alasan untuk umat Islam tidak celik Al-Quran. Kini naskah al-Quran boleh didapati dalam pelbagai bentuk seperti perisian komputer, aplikasi *android*, pen bacaan, CD dan boleh dimuat turun dalam telefon bimbit dengan mudah. Teknik-teknik mudah mempelajari Al-Quran juga cukup banyak dan umat Islam mempunyai banyak pilihan untuk mendekati dan menguasai Al-Quran.

Dalam konteks membudayakan Al-Quran dalam Universiti Teknologi Malaysia di kalangan staf, berdasarkan Pekeliling Pentadbiran Bil. 13/2014 Universiti telah bersetuju melaksanakan Program Membudayakan Al-Quran Secara Berpusat Di Kalangan Warga Islam UTM pada setiap hari Khamis, bermula 8.15 pagi hingga 9.15 pagi. Program ini akan dilaksanakan mengikut zon yang telah ditetapkan. Kehadiran staf ke program ini perlu direkodkan kerana akan diambil kira sebagai sebahagian jumlah jam keperluan latihan staf.

Setiap wakil PTJ, Fakulti dan Kolej diminta menyelaraskan pelaksanaan ini bersama Pembimbing

Program Pembudayaan Al-Quran yang dilantik bagi setiap zon. Pembahagian masa pelaksanaan program adalah seperti berikut:

- i) Bacaan Tilawah & Hukum Tajwid Bacaan Al-Quran –30minit
- ii) Tafsir al-Quran – 20 minit
- iii) Soal-jawab – 10 minit

Muslimin Yang Dirahmati Allah,

Al-Quran yang merupakan mukjizat teragung dan abadi, berperanan sebagai panduan kehidupan, memandu manusia ke jalan yang benar dan membebaskan manusia dari azab api neraka. Namun persoalan besar timbul di sini apakah yang dimaksudkan dengan Al-Quran sebagai panduan hidup ? Secara ringkasnya, mimbar yang mulia ini ingin menyatakan, Al-Quran sebagai panduan kehidupan berperanan membentuk kehidupan, manusia berdasarkan kepada tiga ciri utama, iaitu aqidah, ibadah dan muamalat, yang dapat disimpulkan seperti berikut:

Pertama: berdasarkan kepada Al-Quran bahawa umat manusia diikat dengan aqidah yang satu, bertauhidkan Allah SWT. Oleh itu, sebagai umat Islam kita wajib menolak segala bentuk atau konsep tuhan yang lain daripada Allah SWT. Ini merupakan syarat mutlak sahnya kepercayaan kita terhadap adanya tuhan dalam Islam selain mengarah kepada mengesakan Allah SWT. Firman Allah SWT di dalam surah al-Ikhlâs ayat 1-4:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ (١) اللَّهُ الصَّمَدُ (٢) لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ (٣) وَلَمْ
يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ (٤)

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad): (Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa. Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat. Ia tiada beranak, dan Ia pula tidak diperanakkan. Dan tidak ada sesiapaupun yang setara dengan-Nya.”

Kedua: Ibadah dalam Islam mempunyai ciri-ciri yang tersendiri yang berbeza sama sekali daripada konsep ibadah di dalam agama dan kepercayaan yang lain. Ia merangkumi segala kegiatan manusia dari segi rohaniah dan jasmaniah. Justeru, sebagai seorang Islam kombinasi kehidupan dunia dan akhirat merupakan unsur Ibadah yang menjadikan seorang hamba itu hidup berpahala dan taat kepada perintah Allah SWT.

Ketiga: Al-Quran bukan sahaja berfungsi sebagai jalan untuk manusia berinteraksi dengan Allah SWT, bahkan ia turut menyediakan garis panduan dalam aktiviti muamalat sesama manusia. Dalam hal ini, Al-Quran meletakkan panduan prinsip *al-adl wal ihsan* yang berteraskan kepada akhlak Islam iaitu menghayati semangat keadilan dan muafakat serta menghapuskan penindasan. Justeru, sistem-sistem muamalat seperti kapitalis dan sosialis

sememangnya telah jelas menyanggahi prinsip-prinsip Islam.

Muslimin Yang Dirahmati Allah,

Kita sedar pada hari ini, pelbagai cara dilakukan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab untuk melemahkan pegangan umat Islam dalam menjadikan Al-Quran sebagai acuan kehidupan. Mereka melakukan melalui pencemaran budaya, membangkitkan isu keagamaan, penyebaran fitnah sama ada melalui media massa dan alam siber serta melanggar undang-undang negara.

Mereka juga mempertikaikan kedudukan Islam dalam Perlembagaan, peranan Mahkamah Syariah dan bidangkuasa Raja sebagai ketua agama dan adat istiadat Melayu dan pada akhir-akhir ini, mereka juga mempertikaikan kewujudan dan peranan Institusi keagamaan di negara ini. Mimbar yang mulia ini, ingin menyatakan bahawa, inilah sebahagian daripada agenda untuk melemahkan pegangan umat Islam, melemahkan acuan kehidupan yang berteraskan kepada Al-Quran, dan yang paling utama ialah agenda untuk melemahkan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan.

Justeru, sebagai umat Islam yang mempunyai jati diri, cintakan agama, cintakan Al-Quran, mimbar menyeru, marilah sama-sama kita bersatupadu, mengeratkan perpaduan di kalangan kita agar apa jua usaha mereka untuk menggugat

kedudukan agama Islam dan Institusinya di negara ini dapat digagalkan. Marilah sama-sama kita berdoa kepada Allah SWT, agar segala usaha untuk melemahkan pegangan umat Islam dapat dihindarkan. Sesungguhnya kekuasaan dan pertolongan Allah SWT sentiasa bersama jemaah dan mereka yang benar. Firman Allah dalam Surah Ali- Imran ayat 160:

إِنْ يَنْصُرْكُمُ اللَّهُ فَلَا غَالِبَ لَكُمْ وَإِنْ يَخْذَلْكُمْ فَمَنْ ذَا الَّذِي يَنْصُرُكُمْ مِنْ بَعْدِهِ ۗ وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ

Maksudnya: "Jika Allah menolong kamu maka tidak ada sesiapa pun yang akan dapat mengalahkan kamu; dan jika ia mengecewakan kamu, maka siapakah yang akan dapat menolong kamu sesudah Allah (menetapkan yang demikian)? Dan (ingatlah), kepada Allah jualah hendaknya orang yang beriman itu berserah diri."

Muslimin Yang Dirahmati Allah,

Bersempena bulan Ramadhan yang mulia dan Sambutan Nuzul AL-Quran pada kali ini, mimbar yang mulia menyeru sidang jumaat dan umat Islam sekalian, marilah sama-sama kita mengambil langkah-langkah berikut:

Pertama: Meletakkan Al-Quran sebagai panduan kehidupan, dengan menjadikannya sebagai kitab

rujukan sepanjang hayat, demi kesejahteraan dunia dan akhirat.

Kedua: Sebagai umat Islam kita hendaklah sentiasa memahami dan menghayati kandungan dan petunjuk al-Quran itu. Makna tadabbur yang dijelaskan oleh Dr. Wahbah al-Zuhaili dalam Al-Tafsir al-Munir ialah memerhatikan makna-makna ayat al-Quran dan meneliti kandungannya. Apabila melakukannya kita dapat menghayati sepenuhnya kandungan Al-Quran, bahkan menambah tautan cinta dan rindu berinteraksi dengannya.

Ketiga: kita hendaklah menolak segala unsur yang cuba untuk mengugat kesucian agama Islam di negara ini. Dalam hal ini, umat Islam hendaklah bersatu tanpa mengira apa-apa latar belakang fahaman, ideologi dan politik.

Keempat: Sesungguhnya Allah SWT memberikan kemuliaan dan mengangkat maratabat umat ini, dengan mereka mengamalkan ajaran al-Quran secara menyeluruh dan menjadikannya panduan kehidupan. Oleh itu, mimbar menyeru semua pihak dalam keberkatan Ramadhan yang mulia ini, marilah kita sama-sama mengambil manfaat untuk meningkatkan ketaqwaan dan mengubah segala kelakuan buruk dengan mengamalkan segala isi kandung al-Quran supaya kehidupan kita diredhai Allah SWT.

Mengakhiri khutbah pada minggu ini, marilah sama-sama kita merenung firman Allah SWT dalam surah al-Qamar ayat 17:

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ

Maksudnya: “Dan sesungguhnya! Kami telah memudahkan Al-Qur'an untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan?”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَتَفَعَّلِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ
وَاسْتَغْفِرُ اللَّهُ الْعَظِيمِ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ
التَّائِبِينَ



inovatif • entrepreneurial • global

www.utm.my